

KEMISKINAN KAUM TANI (SATU KAJIAN KES DI  
KAMPUNG PAYA LINTAH), PADANG RENGAS, PERAK

Faizah Yunus

No. Matrik 39541

Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-syarat untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Sesi 1983/84

## SINOPSIS

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah mengenai kemiskinan masyarakat luar bandar, khususnya masyarakat tani. Perbincangan ke atas masalah ini adalah berhubung dengan penjelasan-penjelasan mengenai punca-punca wujudnya kemiskinan, usaha-usaha bagi mengatasinya dan cadangan-cadangan untuk membangunkan masyarakat tersebut dari segi ekonomi.

Bab I, membicarakan mengenai tujuan dan bidang kajian, kaedah-kaedah yang digunakan dalam membuat kajian luar, masalah-masalah yang dihadapi dan melihat fenomena kemiskinan di peringkat antarabangsa.

Bab II, menyentuh pengertian kemiskinan, bagaimana pengukurannya dibuat dan melihat beberapa teori berkaitan dengan kemiskinan. Juga dilihat fenomena kemiskinan di Malaysia.

Bab III, memerihalkan latarbelakang responden. Antara yang disentuh ialah pola pemilikan tanah, kegunaan-kegunaan tanah, pemasaran, pinjaman, simpanan, perbelanjaan, taraf pelajaran dan pemilikan-pemilikan lain seperti ternakan dan kereta.

Bab IV, menerangkan kegiatan-kegiatan petani dalam penanaman padi dan menoreh getah. Berhubung dengan kegiatan ini terutama dalam penanaman padi dibicarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani dan kaitannya dengan kemiskinan. Antara masalah yang dihadapi ialah

sistem pemasaran dan kredit yang kurang memuaskan, kos perbelanjaan yang tinggi dan masalah tanah terbiar.

Bab V, membicarakan beberapa usaha kerajaan untuk meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan petani bagi membangunkan sektor pertanian dan seterusnya mengurangkan kemiskinan di sektor luar bandar.

Bab VI, merupakan rumusan dan kesimpulan dari kajian yang telah dilakukan. Bab ini menolak beberapa teori yang digunakan bagi melihat fenomena kemiskinan. Antaranya ialah Budaya Kemiskinan dan dakwaan bahawa masyarakat Melayu mempunyai nilai dan sikap tertentu yang menyebabkan mereka mundur.

## KANDUNGAN

Muka Surat

### BAB III : LATARBELAKANG RESPONDEN DI KAWASAN KAJIAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
BAB I : PENGENALAN	5
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian	1
1.2 Kepentingan Kajian	3
1.3 Metodologi	5
1.4 Masalah Kajian	6
1.5 Kemiskinan Sebagai Satu Fenomena Sosial	7
1.6 Kemiskinan di Malaysia	9
BAB II : TEORI-TEORI KEMISKINAN DAN ANALISA KEMISKINAN ORANG MELAYU	17
2.1 Erti Kemiskinan	16
2.2 Ukuran-Ukuran Kemiskinan	20
2.3 Teori-Teori Kemiskinan	23
2.4 Kemiskinan di Kalangan Orang Melayu	33
SENARAI JADUAL	130
LAMPIRAN	130

Muka Surat

BAB III : LATARBELAKANG RESPONDEN DI KAWASAN KAJIAN

3.1 Butir-Butir Umum Mengenai Kawasan Kajian	39
3.2 Pola Pemilikan Tanah	40
3.3 Kegunaan Tanah	46
3.4 Cara-Cara Pemilikan Tanah	47
3.5 Pemasaran, Pinjaman dan Simpanan	49
3.6 Perbelanjaan	54
3.7 Taraf Pelajaran dan Kelulusan	56
3.8 Lain-lain Pemilikan	60

BAB IV : MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KAUM TANI

4.1 Luas Tanah Bagi Penanaman Padi di Kawasan Kajian	62
4.2 Aturcara Pengerjaan Tanah Padi	64
4.3 Masalah-Masalah Pesawah	66
4.4 Luas Tanah Bagi Penanaman Getah di Kawasan Kajian	77
4.5 Revolusi Hijau	82

BAB V : PEMBASMIAN KEMISKINAN

86

BAB VI : KESIMPULAN

95

BIBLIOGRAFI

110

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>	<u>Muka Surat</u>
1 Semenanjung Malaysia: Pendapatan Purata, 1970-79 (\$ Seisirumah Sebulan)	13
2 Pemilikan Tanah Ikut Keluasan Bagi 50 Responden Di Kampung Paya Lintah	41
3 Pembahagian Pemilikan Mengikut Kategori-kategori Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	42
4 Pembahagian Pendapatan (\$) Mengikut Kategori- kategori Tertentu Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	43
5 Pekerjaan Ketua Keluarga Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	46
6 Pembahagian Pemilikan Tanah Mengikut Jenis Kegunaan Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	47
7 Cara-cara Memiliki Tanah di Kalangan 50 Responden di Kampung Paya Lintah	48
8 Tempat Simpanan dan Tujuan Menabung Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	50
9 Bentuk Pinjaman dan Sumber Pinjaman bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	52
10 Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	53
11 Perbelanjaan Bulanan Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	54
12 Cara Belian dan Bayaran Barang-Barang Keperluan Dapur Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	55
13 Pembahagian Pelajaran Yang dicapai oleh Ibu-Bapa dan Anak-anak Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	57

<u>Jadual</u>	<u>Muka Surat</u>
14 Pembahagian Kelulusan Yang diperolehi oleh Ibu-Bapa dan Anak-anak Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	58
15 Bilangan Anak-anak Responden Yang Berhijrah dari Kampung Paya Lintah Kerana Bekerja	59
16 Pemilikan-pemilikan Lain Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	61
16a. Luas Tanah Bendang Yang Dimiliki oleh 50 Responden di Kampung Paya Lintah	63
17 Pola Cara-milik Tanah Bendang Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	67
18 Pola Pembayaran Sewa Tanah Bendang Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	68
19 Luas Tanah Getah Yang Dimiliki oleh 50 Responden di Kampung Paya Lintah	78
20 Saiz Purata Bagi Ladang-Ladang Dihubungkan dengan Cara-milik dan Jenis Ladang (ekar)	79
21 Pola Cara-milik Tanah Getah Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah	80


JLAU PINANG

S  
E  
L  
A  
T

W

E

A  
Y  
K



## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang dijalankan oleh pengkaji ke atas sebuah komuniti yang terletak dalam Mukim Kampung Buaia, Kuala Kangsar. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai gejala kemiskinan, khususnya kemiskinan di kalangan kaum tani.

Untuk mencapai tujuan kajian ini, pengkaji telah melihat beberapa bidang kajian yang meliputi hal-hal pentadbiran kampung, demografi, pelajaran, ekonomi dan sosial. Dalam demografi, antara aspek-aspek yang dikaji ialah saiz, taburan dan komposisi penduduk. Juga termasuk migrasi, mengapa ia berlaku dan kesannya terhadap kampung tersebut. Dalam bidang pelajaran, pengkaji akan membincangkan persekolahan anak-anak dan pelajaran yang diperolehi oleh ketua keluarga. Juga akan dilihat pendapatan ketua keluarga dengan pencapaian persekolahan mereka dan anak-anak. Dalam bidang ekonomi pula akan dilihat soal-soal seperti pemilikan tanah, pekerjaan dan pendapatan. Juga akan dilihat sejauhmana pemecahan tanah dan pengumpulan pemilikan tanah memberi sumbangan terhadap gejala kemiskinan kaum tani. Bersabit dengan tanah juga akan dilihat masalah tanah terbiar.

Dalam memahami gejala kemiskinan pengkaji telah mengemukakan beberapa aspek yang perlu dilihat berkaitan dengan persoalan kemiskinan iaitu, ukuran kemiskinan (samada dari aspek mutlak atau perbandingan), kelemahan ukuran kemiskinan, ukuran yang digunakan di Malaysia untuk melihat kemiskinan, punca-punca berlakunya kemiskinan dan antara usaha-usaha yang diambil bagi mengatasinya.

Di antara punca-punca yang boleh menyebabkan kemiskinan banyak menekankan aspek-aspek ekonomi dan punca yang sering diperkatakan ialah daya produktiviti yang rendah. Faktor yang boleh menyebabkan daya produktiviti rendah boleh dikaitkan dengan kekurangan atau ketiadaan beberapa jenis punca-punca pengeluaran seperti tanah, modal, teknologi dan buruh. Kepada kaum tani, tanah merupakan satu punca pengeluaran yang penting. Banyak antara mereka tidak bertanah dan kerap kali tanah yang mereka miliki adalah tidak ekonomik. Berhubung dengan tanah ini juga timbul berbagai masalah seperti penindasan oleh tuan tanah, pemecahan hak milik tanah, ketidaksamaan dalam pemilikan tanah dan tanah terbiar.

Hasil dari penganalisaan dan kajian-kajian yang dijalankan oleh kerajaan terutama oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU), kerajaan Malaysia cuba mengurangkan masalah kemiskinan kaum tani dengan menjalankan usaha-usaha seperti:-

- i. Rancangan Tanah di bawah Agensi seperti LKTP dan FELCRA;
- ii. Rancangan Parit dan Taliair untuk memudahkan tanaman dua kali;

iii. Rancangan Bantuan dan Subsidi berupa wang, baja dan pengetahuan penggunaan teknologi moden; dan

iv. Rancangan menyediakan kemudahan-kemudahan Pemasaran Hasil-hasil Keluaran melalui FAMA dan sebagainya.

Usaha-usaha lain termasuklah rancangan untuk mengubah sikap masyarakat tani terhadap penggunaan teknologi moden. Penggunaan teknologi moden ini termasuklah memperkenalkan penggunaan jentera bagi mengantikan kaedah lama untuk menyediakan tanah sawah, penggunaan baja, penggunaan baka benih yang lebih baik, memperkenalkan syarikat-syarikat kerjasama dan sebagainya. Semua usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan adalah satu langkah yang perlu dalam mengadakan pembangunan negara.

Setelah dibincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan tujuan dan bidang kajian, pengkaji ingin memajukan beberapa hipotesis yang difikirkan menjadi faktor-faktor utama di mana terjadinya kemiskinan dan kemunduran dalam masyarakat di Kampung yang dikaji. Juga akan dibincangkan antara usaha-usaha yang telah atau sedang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum tani.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Ramai penyelidik telah berusaha mengkaji gejala kemiskinan iaitu suatu jenis penyakit masyarakat yang melanda sejumlah besar umat manusia di seluruh dunia. Sejak dulu lagi, kajian-kajian mengenai kemiskinan menjadi 'domain' ahli-ahli ekonomi. Ini berkemungkinan kerana masalah kemiskinan itu lebih senang dikonsepsikan oleh ahli-ahli ekonomi yang

biasanya cuma mengukur kemiskinan dari segi ekonomi sahaja seperti menilai pemilikan harta-benda, dan selepas itu cuba menghuraikan mengapa golongan miskin itu tidak memiliki barang mewah atau daya pengeluaran mereka rendah. Sungguhpun demikian perkara ini juga ditulis oleh berbagai orang dalam pelbagai bidang dan lapangan ilmu, termasuk Antropologi dan Sosiologi.

Di Malaysia kemiskinan pernah diperkatakan oleh berbagai pihak. Yang sering diperkatakan ialah hakikat kemiskinan masyarakat Melayu. Seorang anak watan telah membincarakan dan memikirkan betapa seriusnya masalah kemiskinan, tetapi perbincangannya itu lebih menekan usaha untuk menimbulkan semangat dan kesedaran orang-orang Melayu, iaitu keturunan yang sebahagian besarnya hidup miskin dari berbagai segi: miskin dari segi mental dan miskin juga dari segi material. Hakikat ini dapat kita lihat pada tulisan-tulisan Zainal Abidin Ahmad (Za'aba) yang juga diulas oleh Ungku Abdul Aziz (1975).

Selain dari Za'aba dan Ungku Aziz terdapat juga beberapa hasil penyelidikan lain, yang dijalankan oleh Syed Husin Ali (1964, 1978), Raymond Firth (1942) dan Michael Swift (1967). Di samping itu terdapat juga sebilangan latihan ilmiah yang telah diusahakan oleh siswa-siswi universiti-universiti tempatan dan juga di luar negeri yang membincangkan masalah ini dalam konteks penghususan pengajian masing-masing.

Memandangkan hingga kini masih belum ada sebarang kajian yang pernah dijalankan di daerah ini mengenai kemiskinan kaum tani, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk membuat penyelidikan.

### 1.3 Metodologi

Pengkaji telah mengumpul data menerusi beberapa kaedah.

Kajian ini dilakukan selama sebulan semasa cuti panjang di tahun dua.

Antara metode yang dipilih ialah:

- i. Temuduga berdasarkan soal-selidik yang disediakan terlebih dahulu. Metode ini adalah cara yang baik bagi mendapatkan latarbelakang responden dan maklumat-maklumat penting seperti pendapatan, taraf pelajaran dan sebagainya;
- ii. Temubual secara tidak formal dengan responden;
- iii. Pemerhatian sendiri, ini dilakukan dalam penganalisaan dari aspek perlakuan sosial responden, samada ia benar-benar menyatakan perkara sebenar atau sekadar memenuhi tujuan interview;
- iv. Bahan-bahan yang diperolehi dari beberapa penulisan, laporan, perangkaan dan makalah. Oleh itu sumber yang didapati adalah penting bagi melengkapkan kajian ini. Walaupun kajian yang dibuat oleh pengkaji berbentuk kajian kes namun ia tidak dapat lari dari penggunaan perpustakaan kerana melaluinya kita dapat beberapa panduan untuk melengkapkan kajian;
- v. Dalam menjalankan kajian, pengkaji tidak mengkaji seluruh penduduk, tetapi telah memilih seramai 50 orang ketua

keluarga dari 80 ketua keluarga yang mendiami kampung ini. Pemilihan responden dibuat secara bukan rambang (non-random).

#### 1.4 Masalah Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah mengalami beberapa masalah. Masalah utama ialah bagi mendapatkan data-data yang benar-benar tepat. Oleh kerana kajian yang dijalankan menyentuh soal-soal peribadi seperti pendapatan dan pemilikan harta-benda, maka pandangan dan sikap responden didasarkan atas pertimbangan sendiri. Di samping itu pengkaji juga telah membuat pemeriksaan di Pejabat Daerah mengenai pemilikan tanah bagi mengesahkan kenyataan responden. Juga untuk mengatasi masalah data yang kurang tepat, pengkaji terpaksa menerangkan tujuan kajian dan berharap semua responden dapat memberikan kerjasama yang se-penuhnya bagi menjayakan kajian ini.

Masalah seterusnya ialah penetapan waktu yang sesuai untuk menemui responden. Oleh kerana responden-responden adalah petani, waktu siang hari, mereka habiskan dengan bekerja di sawah atau kebun. Jadi pengkaji terpaksa menjalankan temuramah di waktu petang dan malam kerana di waktu siang hanya kanak-kanak yang berada di rumah bersama ibu atau kakak atau abang mereka. Dengan ini masa yang agak lama digunakan untuk menghabiskan temuramah dengan lima-puluh responden.

Walaupun terdapat rintangan-rintangan semasa pengkaji menjalankan kajian, namun demikian sedikit sebanyak masalah ini dapat diselesaikan

sekadar tidak membebankan pengkaji. Masalah-masalah seperti pra-sangka responden terhadap pengkaji, kurang mendapat kerjasama, ketiadaan masa yang sesuai untuk menjalankan temubual dan keraguan akan kesahan jawapan-jawapan yang diterima adalah lumrah dalam kajian-kajian kerjaluarn. Pengkaji hanya boleh berharap semua data-data serta maklumat yang di-perolehi adalah tepat bagi membolehkan pengkaji membuat kajian yang jitu dan berhasil.

#### 1.5 Kemiskinan sebagai satu Fenomena Sosial

Kemiskinan masih merupakan satu masalah yang perlu dititik-beratkan oleh semua masyarakat dunia ini. Ianya satu keaiban paling dahsyat yang dideritai oleh manusia sejak dulu hingga ke hari ini. Sungguhpun di akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, fenomena ini telah diperdebatkan di peringkat nasional oleh para pejuang sosial seperti Henry George di Amerika Syarikat dan Charles Booth serta Benjamin Seebohm Rowntree di England, tetapi kemiskinan masih juga merupakan suatu hakikat yang pada keseluruhannya belum lagi dapat dibasmi di dunia ini.

Bank Dunia dalam tahun 1978, menganggarkan lebih daripada 800 juta umat manusia di dunia ini hidup dalam kemiskinan mutlak. Kebanyakan umat ini tinggal di negara-negara sedang membangun dan negara-negara ini-lah yang menampung melebihi 80% dari penduduk yang miskin di dunia ini. Walaupun pertumbuhan ekonomi dan perkembangan kebijakan yang begitu pesat, terdapat kira-kira 20 juta manusia yang benar-benar miskin dalam tahun 1976. Di negara-negara mundur di benua Asia sendiri terdapat

lebih satu billion penduduk yang miskin dan separuh dari penduduk ini pula berada dalam keadaan yang benar-benar miskin ("Kemiskinan mutlak"). Empat negara yang besar iaitu: Bangladesh, India, Indonesia dan Pakistan saja, sudah terdapat 2/3 dari jumlah penduduk yang benar-benar miskin ("Kemiskinan mutlak"). (Petikan dari "World Economic Report", 1978).

Masalah kemiskinan bukan saja didapati di negara-negara sedang membangun tetapi juga di negara-negara yang sudah maju. Ini bermakna kemiskinan adalah satu fenomena universal. Boleh dikatakan bahawa 66% dari penduduk dunia ini berada dalam keadaan miskin. (Mountfield, 1974 : 12). Masalah kemiskinan terjelma bukan dalam satu bentuk saja tetapi terjelma dalam masalah-masalah seperti kebuluran, pengangguran, perumahan, pelajaran, kesihatan, buta huruf dan sebagainya.

Kita ambil India dan Britain sebagai satu contoh untuk menggambarkan masalah kemiskinan dari segi penempatan. Di India masalah perumahan merupakan satu beban kepada kerajaan India. Di bandar Calcutta sahaja terdapat 600,000 orang tidur di jalan-jalan raya pada tiap-tiap malam. (1974 : 25). Sementara di Britain pula di kawasan England dan Wales, terdapat 2½ juta orang yang tinggal berkelompok di dalam rumah-rumah yang tidak mempunyai kemudahan air dan lain-lain lagi. (1974 : 54).

Apa yang dapat disimpulkan di sini ialah kemiskinan itu boleh terdapat di merata-rata tempat di seluruh dunia. Cuma kadar kemiskinan itu saja yang berbeza.

### 1.6 Kemiskinan di Malaysia

Di Malaysia kemiskinan sering diperkatakan oleh berbagai pihak. Banci Pertanian 1977, memberikan anggaran secara langsung mengenai kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dalam tahun 1976. Kadar kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia ialah 35.1%, Sabah 51.2% dan Sarawak 51.7% dalam tahun 1976.

Dari segi bilangan, kira-kira 879,300 isirumah adalah dalam keadaan miskin, 78.3% daripadanya atau 688.300 isirumah terdapat di Semenanjung Malaysia. 9.5% atau 83,900 isirumah di Sabah dan 12.2% atau 107,000 isirumah di Sarawak.

Dari segi bandar dan luar bandar, 89.7% dari jumlah isirumah miskin adalah terdapat di luar bandar. Kadar kemiskinan di luar bandar ialah 45.7%, manakala di bandar 15.4%.

Dari segi pembahagian kaum 75.5% dari isirumah miskin di Semenanjung Malaysia adalah terdiri dari orang-orang Melayu berbanding dengan 15.9% bagi orang-orang Cina dan 7.8% bagi orang-orang India. Kadar kemiskinan orang Melayu ialah 46.4%, Cina 17.4% dan India 27.3%.

Kebanyakan dari orang-orang Melayu yang miskin tinggal di luar bandar iaitu 93% dari jumlah isirumah yang miskin. Sebahagian besar dari golongan miskin bekerja dalam sektor pertanian. Dari segi pendapatan perkapita, orang Melayu menerima \$140.35 sebulan, atau separuh dari pendapatan orang Cina yang menerima \$280.11 sebulan, sementara orang

India pula menerima \$263.43 sebulan (Rancangan Malaysia Keempat (RME), 1981-1985).

Di Semenanjung Malaysia, kumpulan miskin yang telah ditentukan ialah pekebun kecil getah, pekebun kecil kelapa, penanam padi, nelayan, pekerja ladang, penduduk kampung-kampung baru, buruh pertanian, orang Asli dan kumpulan miskin di bandar. Di Sabah kumpulan miskin ialah nelayan, pekebun kecil getah, penanam padi, petani-petani pindah dan kumpulan miskin di bandar. Di Sarawak kumpulan miskin termasuklah mereka yang bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada pertanian pindah, tanaman padi di sawah untuk kegunaan sendiri, pekebun kecil getah dan kelapa yang mengeluarkan hasil rendah, pengeluar sagu di kalangan kaum Melanau dan nelayan tempatan. (RME, 1981 : 41).

Walaupun luar bandar di Malaysia selalu dianggap sebagai kawasan kemiskinan, tetapi tidak bermakna seluruh penduduk yang tinggal di luar bandar adalah miskin. Untuk penentuan golongan manakah yang miskin atau tidak, harus dilihat stratifikasi sosial penduduk luar bandar.

Dalam kajian Raiz Hassan (1973 : 17-37) membuat stratifikasi sosial penduduk luar bandar di Malaysia berdasarkan pekerjaan. Berdasarkan kriteria ini, ada 5 peringkat kelas iaitu:-

- i. golongan yang mempunyai kaitan dengan kerja-kerja profesional dan teknikal;
- ii. golongan yang terdiri dari pegawai-pegawai tadbir;

- iii. golongan penjual;
- iv. pekerja-pekerja yang berhubung dengan pengangkutan, pekerja-pekerja kilang memproses, bidang sukan dan rekreasi; dan
- v. golongan yang terdiri dari nelayan, petani dan pekerja lombong.

Jadi secara keseluruhannya golongan miskin terdiri dari kelas kelima (v) iaitu nelayan, petani dan pekerja lombong.

Syed Husin Ali membuat stratifikasi sosial penduduk luar bandar di Malaysia berdasarkan kriteria ekonomi (1964 : 51-57). Berdasarkan kriteria ini, beliau membahagikan penduduk luar bandar pada 5 peringkat kelas iaitu:-

- i. tuan tanah;
- ii. kelas pertengahan;
- iii. kelas petani, samada petani berada atau petani tidak berada;
- iv. kelas pekerja; dan
- v. penganggur.

Tuan tanah ialah golongan yang memiliki tanah dengan tidak payah mengerjakan tanah secara langsung. Tanah tersebut dikerjakan secara upah atau sewa. Kelas pertengahan pula ialah golongan yang makan gaji seperti penghulu, pegawai pertanian, guru dan kerani sekolah. Kelas petani terdiri dari mereka yang memiliki tanah atau menyewanya, sementara kelas

pekerja terdiri dari buruh-buruh kasar. Kelas penganggur adalah mereka yang tiada mempunyai kerja.

Golongan miskin di luar bandar yang menjadi tumpuan di dalam kajian ini ialah kelas kelima (Raiz Hassan) dan kelas ketiga (Syed Husin Ali). Mereka adalah petani padi, pekebun kecil getah dan buruh-buruh pertanian yang sebahagian besarnya adalah orang-orang Melayu. Mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah dan kedudukan ekonomi yang rendah disebabkan oleh pengeluaran hasil tani yang rendah, teknologi yang rendah dan penindasan oleh institusi orang tengah.

Mengikut Ungku Aziz,

"Poverty is a relative notion, based on material inequality. Poverty arises because of inequality in the distribution of income and inequality in the distribution of wealth". (1964 : 75)

Ketidakseimbangan ini dapat dilihat dalam agihan pendapatan dari segi keluarga, ras dan sektor seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan perubahan pendapatan purata dan penengah mengikut kaum untuk Semenanjung Malaysia dari tahun 1970 hingga ke tahun 1979. Dalam tempoh sembilan tahun pertama, Dasar Ekonomi Baru (DEB), pendapatan purata dan penengah bagi semua kumpulan kaum telah bertambah dengan banyaknya dari segi pendapatan sebenar dan juga pendapatan semasa. Dari segi agihan pendapatan di kalangan kaum, bahagian pendapatan purata kaum Melayu dari pendapatan purata negara ialah 67.3% dalam tahun 1979. Pendapatan purata kaum Cina melebihi pendapatan purata negara iaitu 144%

Jadual 1

Semenanjung Malaysia: Pendapatan Purata, 1970-79  
(\$ Seisirumah sebulan)

	Mengikut harga tetap tahun 1970				Mengikut harga semasa			
				Kadar Pertumbuhan Tahunan 1971-79 (%)				Kadar Pertumbuhan Tahunan 1971-79 (%)
	1970	1973	1979		1973	1979		
Melayu	172	209	309	6.7	242	513	12.9	
Cina	394	461	659	5.9	534	1094	12.0	
India	304	352	467	4.9	408	776	11.0	
Lain-lain	813	1121	1132	3.8	1299	1881	9.8	
Semua Kaum	264	313	459	6.3	362	763	12.5	
Bandar	428	492	675	5.2	570	1121	11.3	
Luar Bandar	200	233	355	6.6	269	590	12.8	

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat (RME), 1981-85 : 62.

dalam tahun 1979. Bahagian pendapatan purata kaum India dari pendapatan purata negara ialah 102% dalam tahun 1979. Perbezaan pendapatan antara luar bandar dan bandar telah berkurangan dalam sepuluh tahun yang lalu. Namun demikian perbezaan pendapatan adalah tinggi di luar bandar dari di bandar. (RME, 1981 : 61)

Data Banci Pertanian 1977 menunjukkan bahawa pendapatan purata bulanan isirumah di Sabah dalam tahun 1976 ialah \$513.00 manakala di Sarawak ialah \$426.00 berbanding dengan pendapatan purata di Semenanjung Malaysia sebanyak \$514.00. (RME, 1981 : 61)

Apa yang dipaparkan oleh RME ini adalah jelas menunjukkan kewujudan kemiskinan yang meluas di Malaysia, khususnya di kawasan luar bandar. Ini bermakna kemiskinan orang-orang Melayu khususnya. Ernest Feder di dalam membincangkan tentang kemiskinan masyarakat luar bandar mengatakan,

"The rural poor are 2 kinds. They are the millions of small-holders, who are poor by definition, because they barely eke out a subsistence living on plots of land too small to provide for full employment and an adequate family income .... Then there are landless workers.... They receive for their labour extremely low wages in cash or in kind. Often they receive no remuneration whatever, because in many regions peasants still to put in days of work free or nearly free of charge in "Homage" to the big landlords. That is, they must show their gratitude for being allowed to work the rest of the time at near-starvation wages". (1971 : 3)

Masalah kemiskinan di luar bandar adalah berkait dengan masalah sosial, ekonomi dan politik, sebagaimana kata Ungku Aziz,

"Rural poverty among the Malays is determined by 3 factors, the first is low productivity, the second is exploitation and the third is neglect".  
(1964 : 80)

Untuk mengatasi masalah kemiskinan di negara ini, usaha-usaha telah dirancang dan dijalankan, sebagaimana yang ditegaskan dalam rancangan-rancangan Malaysia. Usaha mengatasi kemiskinan ini ada kaitannya dengan takrif serta analisa tentang punca kemiskinan. Ia lebih menekankan aspek ekonomi iaitu daya pengeluaran. Mengikut tujuan mengatasi kemiskinan, langkah yang diambil ialah memberi peluang yang lebih untuk petani mendapatkan subsidi, tanah, modal, teknologi dan lain-lain. Usaha-usaha ini tergolong dalam konsep pemodenan. Proses pemodenan ini tidak hanya terbatas kepada aspek ekonomi tetapi merangkumi segala usaha dalam bidang ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan fikiran.

Usaha-usaha pembangunan dan pembasmian kemiskinan adalah penting, tetapi sasarannya perlu tepat dan mengena; perlu dipastikan bahawa usaha itu lebih mengutamakan kawasan atau sektor termundur dan golongan termiskin sekali. Ini adalah untuk menjamin supaya nikmat daripada usaha-usaha pembangunan akan terbahagi dengan lebih adil.

## BAB II

### TEORI-TEORI KEMISKINAN DAN ANALISA KEMISKINAN ORANG MELAYU

Soal kemiskinan sudah lama dan banyak diperkatakan orang.

Sesuai dengan pengistiharaan tahun-tahun 1970an sebagai Dekad Pembangunan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, maka semakin pesatlah penyelidikan mengenai masalah kemiskinan dibuat terutama oleh badan-badan seperti FAO, UNESCO dan ESCAP. Di Malaysia kemiskinan adalah meluas dan dianggap penyakit yang mengancam hidup masyarakat seluruhnya. Ianya dinyatakan sebagai salah satu masalah yang perlu diatasi demi mempertahankan keutuhan dan perpaduan nasional. Tetapi apakah yang dimaksudkan dengan kemiskinan itu? Bagaimana hendak mengukurnya? Apa pula punca-puncanya? Ketiga-tiga soalan ini harus diketahui dengan jelas sebelum satu penyelesaian dapat dirangka, sekurang-kurangnya bagi mengurangkan bebanan akibat kemiskinan.

#### 2.1 Erti Kemiskinan

Kemiskinan merupakan satu konsep yang sukar ditakrifkan. Ada berbagai-bagai pengertian mengenainya. Secara paling umum, J.L. Roach dan J.K. Roach mendefinasikan kemiskinan sebagai,

"....an insufficiency of basic needs",  
(1972 : 21)

manakala Robert Hunter mendefinasikannya sebagai,

"....the lack of due food, lodging  
and clothing". (1970 : 9)

Definasi secara umum ini tidak sesuai digunakan untuk takrif kemiskinan.

Ini jelas dalam penulisan Martin Rein,

"Each of the concept present numerous problems of definition and measurement. Should we define poverty only in terms of economic insufficiency, economic inequality and economic diseconomy or should the definition be broaden to embrace non-economic variables such as prestige, power and social service?".  
(1972 : 17)

Definasi yang diberikan oleh International Encyclopedia of the Social Science ialah,

"....not merely economic inequality (of poverty, income, living standard etc.) but also social inequality, that is a relation of inferiority, dependence or exploitation". (1968 : 398)

Mengikut Benjamin Seebohm Rowntree pula,

"My poverty line represented the minimum sum on which physical efficiency could be maintained. It was standard bare subsistence rather than living...." (1941 : 102)

Definasi ini mengatakan bahawa pendapatan yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas di peringkat cukup hidup untuk mempertahankan kecekapan fizikal dan kesihatan adalah dikatakan sebagai miskin.

Rowntree membahagikan kemiskinan pada 2 jenis iaitu Primary Poverty (kekurangan dari segi tingkah laku moral dan kecerdasan fikiran) dan Secondary Poverty (individu yang mempunyai pendapatan di peringkat sara-diri tetapi tidak dapat membelanjakan pendapatannya untuk meneruskan kehidupan dan mendapatkan kesihatan yang baik).

Gillin dan Gillin mengatakan,

"Poverty is that condition in which a person either because of inadequate income or unwise expenditures, does not maintain a scale of living high enough to provide for his physical and mental efficiency and to enable him and his natural dependents to function usually according to the standards of society of which he is a member." (1950 : 758)

Setengah orang mampu mendapatkan segala keperluan ini dengan memuaskan, setengah pula tidak mampu berbuat demikian. Mereka yang tidak mampu inilah yang dianggap miskin. Kemiskinan mereka tidaklah teruk kalau setakat tidak mampu memenuhi keperluan sosial, tetapi adalah paling teruk jikalau mereka tidak dapat memenuhi keperluan asas yang minima.

Dalam mentakrifkan kemiskinan sebagai 'kekurangan keperluan asas', ada masalahnya. Kita tidak dapat mengenal-pasti keadaan manakah yang dianggap sebagai kekurangan? Yang dikatakan 'keperluan asas' atau 'kekurangan' itu mungkin berbeza mengikut taraf kemajuan sesuatu masyarakat atau apakah ukuran-ukuran yang digunakan oleh pihak berkenaan dalam mentakrifkan konsep-konsep tersebut. Jadi timbul kesamaran. Kesamaran ini dapat dijelaskan dengan mengambil masyarakat negeri ini sebagai titik-tolak. Masyarakat kita bukan lagi primitif, jadi keperluan atau kemudahan seperti bekalan air, api dan kesihatan diperlukan. Jadi kemiskinan boleh diandaikan wujud jika seseorang atau segolongan manusia tidak mempunyai kemudahan-kemudahan tadi. Ertinya walaupun mereka itu dapat menyediakan makanan, rumah dan pakaian, tetapi mereka tiada mampu menyediakan kemudahan api, air dan kesihatan, maka kemiskinan masih wujud, hanya ia tidak sampai pada tingkat kemiskinan yang teruk, di mana langsung

tidak dapat memenuhi keperluan asasnya.

Bilakah dapat dikatakan wujud keadaan kekurangan? Sebagai penjelasan kita ambil contoh makanan. Bagi penduduk Malaysia, makanan utama ialah nasi. Jadi sekiranya segolongan manusia itu menggunakan ubi kayu sebagai makanan, maka boleh disimpulkan keadaan kekurangan wujud.

Kemampuan untuk memenuhi keperluan, samada keperluan asas atau kemudahan sosial, biasanya diukur dengan pendapatan. Kadar pendapatan ini dianggap sebagai garis kemiskinan. Orang yang berpendapatan kurang dari paras ini dan kurang mampu untuk mendapatkan keperluan-keperluannya maka ia hidup dalam keadaan kekurangan (miskin). Penekanan di sini ialah faktor ekonomi iaitu pendapatan. Faktor ini berbeza-beza antara individu-individu, sektor-sektor serta kawasan-kawasan dan menyebabkan berlakunya pemeringkatan sosial. Dari ini lahirlah sistem susunlapis masyarakat di mana secara subjektifnya individu menilai kedudukan tinggi rendah dalam masyarakat. Boleh dibuat andaian bahawa golongan miskin itu ialah mereka yang rendah sekali kedudukan dalam masyarakat dan biasanya merupakan golongan majoriti.

Sebagai rumusan, kemiskinan itu adalah kerana keadaan kekurangan, keadaan ketidaksamaan dalam pendapatan dan dari segi sosial golongan bawahan dalam susunlapis masyarakat.

## 2.2 Ukuran-Ukuran Kemiskinan

Sejak kurun ke 19 lagi, para penyelidik telah cuba menyediakan 'yard stick' untuk mengukur kemiskinan. Kemiskinan boleh diukur dengan dua cara iaitu secara mutlak dan cara perbandingan.

Cara mutlak ialah menentukan 'garis kemiskinan' dan yang berada di bawah garis kemiskinan itu secara langsung tergolong dalam kategori miskin. Selalunya ukuran kemiskinan secara mutlak ini berpandukan pendapatan. Umpamanya di Amerika Syarikat, 'The Council of Economic Advisors' telah mengemukakan pendapatan sekeluarga sebanyak U.S. \$3,000.00 (kira-kira \$7,200.00 wang Malaysia) dalam setahun. Ini bererti keluarga yang berpendapatan kurang dari \$600.00 sebulan adalah dianggap sebagai miskin mengikut ukuran mutlak ini. (1969) Bagi Malaysia sudah tentulah garis kemiskinan untuk Amerika Syarikat itu terlalu tinggi. Sekiranya keluarga di negara ini berpendapatan kira-kira \$600.00 sebulan, sudah tentu ia tidak akan dikatakan miskin, kerana pendapatan ini lebih tinggi dari pendapatan purata keluarga Semenanjung yang berjumlah sebanyak \$275.00 sebulan bagi tahun 1970, dan kira-kira lima kali ganda lebih besar dari pada pendapatan lazim bagi petani dan buruh. (Economic Report (ERT) 1974-1978 : 84). Oleh yang demikian, pendapatan yang digunakan sebagai 'garis kemiskinan' hendaklah disesuaikan dengan taraf hidup dalam negara-negara yang berkenaan. Itulah sebabnya tiada ukuran mutlak yang boleh digunakan untuk semua negara.

Pada tahun 1974, garis kemiskinan bagi Malaysia telah berubah. Garis kemiskinan pada tahun ini ialah \$25.00 seorang bagi sebulan atau

kira-kira \$150.00 bagi keluarga enam orang. Selepas itu tidak diumumkan lagi paras pendapatan yang digunakan sebagai garis kemiskinan, walaupun untuk kegunaan resmi bagi tahun 1982, telah dianggarkan kira-kira \$300.00 sebulan bagi sekeluarga. Apa sebenarnya asas-asas untuk menetapkan paras pendapatan itu tidaklah diketahui. (Petikan dari Berita Minggu, 1 Mei, 1983 : 6).

Melihat kemiskinan dengan cara mutlak ini banyak menerima kritikan. Pendapatan yang ditentukan sebagai garis kemiskinan berdasarkan kepada pendapatan yang cukup untuk memenuhi keperluan asas adalah satu penentu yang kurang memuaskan. Selalunya tidak terdapat pernyataan yang jelas apa yang termasuk dalam istilah 'keperluan hidup'. Jadi agak sulit bagi kita untuk menentukan apakah peringkat pendapatan yang patut digunakan. Kalau kita ambil garis kemiskinan serupa dengan Amerika Syarikat iaitu \$600.00 sebulan, maka sudah tentu banyak penduduk Malaysia tergolong sebagai miskin, kerana pendapatan purata keluarga Semenanjung hanya berjumlah \$275.00 sebulan bagi tahun 1970. Oleh itu garis kemiskinan perlulah disesuaikan dengan taraf hidup di negara itu sendiri.

Kadangkala juga garis kemiskinan ditetapkan dengan sewenang-wenangnya. Apabila ini berlaku, negeri yang hendak menunjukkan jumlah kemiskinannya adalah rendah, akan merendahkan pendapatan bulanan sebagai garis kemiskinannya. Ini adalah kerana, semakin tinggi pendapatan ditetapkan, maka ramailah orang akan tergolong dibawahnya, dengan ini menggambarkan peratusan kemiskinan yang tinggi.

Sebenarnya cara mengukur kemiskinan dengan menentukan garis kemiskinan yang didasarkan kepada pendapatan adalah cara yang dianggap mutlak. Biasanya pendapatan yang ditetapkan sebagai garis kemiskinan itu ialah untuk seluruh negara. Ini kurang memuaskan sebab mungkin ada perbezaan taraf antara kawasan-kawasan berlainan, misalnya antara kampung yang terpencil dengan kota yang besar, dan perbezaan ini tentu memerlukan pendapatan lebih tinggi di kota daripada di kampung itu sebagai garis kemiskinannya.

Memandangkan masalah-masalah yang timbul dalam penggunaan ukuran mutlak bagi kemiskinan, maka kebanyakan para penyelidik mencari pilihan yang lain. Mereka telah memperkenalkan ukuran kemiskinan secara perbandingan pula. Ukuran perbandingan ini berbeza dengan ukuran mutlak. Ukuran perbandingan lebih menekankan aspek kemasyarakatan. Dalam masyarakat akan wujudnya sistem susunlapis masyarakat. Dalam sistem ini, terdapat perbezaan atau ketidaksamaan. Secara langsung terdapatnya asas-asas perbandingan antara lapisan yang atas dengan lapisan yang bawah. Lapisan atasan kecil bilangannya, menguasai sebahagian besar dari punca kekayaan, berpendapatan tinggi dan sering dihormati. Sebaliknya, lapisan bawah pula besar jumlahnya, tidak mempunyai harta dan modal, tertumpu kepada peringkat pendapatan serta jenis pekerjaan yang rendah-rendah dan bergantung kepada tulang empat kerat.

Jadi ukuran kemiskinan biasanya dihubungkan dengan struktur susunlapis masyarakat dan ketidaksamaan sosio-ekonomi yang terjelma.

Bolehlah dikatakan golongan miskin itu adalah sebahagian besar mereka yang rendah kedudukannya dalam sistem susunlapis masyarakat dan merupakan kumpulan majoriti dari seluruh bilangan penduduk.

Daripada perbincangan mengenai takrif dan ukuran kemiskinan ini dapatlah disimpulkan bahawa kemiskinan adalah satu keadaan kekurangan untuk mendapatkan keperluan asasi, iaitu makanan, perumahan serta pakaian, dan kemudahan sosial seperti air, api, hospital serta sekolah. Dari segi ekonomi keadaan kemiskinan timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah. Dari segi sosial pula, kemiskinan melanda golongan bawahan dalam susunlapis masyarakat.

### 2.3 Teori-Teori Kemiskinan

Sebagaimana ada takrif dan ukuran kemiskinan, begitu juga terdapat banyak perbincangan tentang sebab atau punca kemiskinan itu berlaku. Bermacam saranan dan teori telah dikemukakan. Tetapi akan dibincangkan beberapa sahaja yang menekankan antara lainnya aspek-aspek seperti personaliti dan kebudayaan, kekurangan-kekurangan (berbagai-bagi) dan struktur ketidaksamaan sosial dan ekonomi.

Kebanyakan pengkaji mengetahui bahawa gaya hidup miskin adalah berbeza dari gaya hidup masyarakat lain. Mereka juga mengetahui gaya hidup miskin dalam masyarakat yang berlainan, mempunyai ciri-ciri yang serupa. Ciri-ciri yang serupa dan masalah serupa yang dihadapi itu boleh berkembang menjadi satu budaya yang dikongsi bersama, dipelajari

dan kemudian membawa pada konsep Budaya Miskin. Pendapat mengenai Budaya Miskin diutarakan oleh Oscar Lewis setelah membuat kajian masyarakat yang mendiami kawasan sesak di bandar Mexico dan Puerto Rico. Budaya Miskin mengikut Oscar Lewis adalah,

".... both adaptation and reaction of the poor to their marginal position in a class-stratified, high individuation, capitalistic society". (1966 : xLi)

Oscar Lewis menjelaskan bahawa golongan miskin adalah:

- (a) Lack of effective participation and integration of the poor in the major institution of the larger society.....
- (b) When we look at the culture on the local community level, we find poor housing conditions, crowding, gregariousness, but above all a minimum of organization beyond the level of the nuclear and extended family occasionally there are informal temporary groupings or voluntary association....
- (c) On the family level the major traits of the culture of poverty are the absence of childhood especially prolonged and protected stage of life cycle, early initiation into sex, free unions or consensual marriages, a relatively high incidence of abandonment of wives and children, a trend towards female or mother centered families.... a strong predisposition towards authoritarian, lack of privacy.... and competition for limited goods and maternal affection.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>(1966 : xli-xliii)

Ciri-ciri yang tersebut di atas menerangkan konsep Budaya Miskin yang dihasilkan melalui beberapa kajian mengenai golongan miskin. Kajian-kajian itu adalah: Five Families Mexican Case Studies in the Culture of Poverty, New York, Basic Books, 1959. Tepozlan: Village in Mexico, New York, 1960. The Children of Sanchez, New York Random House, 1964, La Vida: A Puerto Rican Family in Culture of Poverty, London, Secker and Warburg, 1966, A Study of Slum Culture Background for La Vida, New York Random House, 1968.

Disebabkan Budaya Miskin ini diperturunkan ke generasi berikutnya, ia merupakan satu cara untuk mengekalkan kemiskinan dan penerimaan Budaya Miskin ini sebagai pencorak hidup dan akan membuat mereka terperangkap dan tidak mempunyai kesempatan untuk memperbaiki kedudukannya. Lewis juga mengatakan bahawa Budaya Miskin adalah berbeza dari kemiskinan,

"The Culture of Poverty is not just a matter of deprivation. It is a culture which provide human being with design for living, with a ready made set of solution for human problems".  
(1966: xlvii)

Walaupun teori Lewis diterima oleh setengah pihak, namun ia juga menerima kritikan-kritikan. Budaya Miskin tidak dapat dianggap sebagai faktor yang menyebabkan kemiskinan, kerana wujudnya Budaya Miskin itu sendiri ditentukan oleh faktor-faktor lain. Lewis sendiri mengatakan tentang perlunya faktor-faktor berikut di dalam penentuan kewujudan Budaya Miskin. (1966: xl)

1. Adanya sistem ekonomi kewangan dengan buruh bergaji dan pengeluaran ke arah keuntungan.
2. Kadar pengangguran dan pengangguran tidak ketara yang meluas.
3. Tingkat upah yang rendah terutamanya untuk buruh yang tidak mahir.

4. Masyarakat/pemerintah gagal memberi kemudahan-kemudahan sosial, ekonomi dan politik kepada golongan yang berpendapatan rendah.
5. Wujudnya sistem kekerabatan 'bilateral' di samping sistem kekerabatan 'unilateral'.
6. Kelas dominan di dalam sesebuah masyarakat menegaskan nilai yang menghargakan pengumpulan harta dan kekayaan. Individu yang gagal mencapainya akan menduduki status yang rendah.

Jadi terdapat faktor-faktor lain di dalam menentukan kemiskinan yang terdapat pada satu-satu golongan seperti yang dijelaskan oleh Herbert Gans iaitu:

"If the culture of poverty is define as these cultural elements which keep people poor, it would be necessary to include in the term persisting cultural patterns among the affluent that, deliberately or not, keep their fellow citizen poor. When the concept of the Culture of Poverty is applied only to the poor, the onus for change falls too much on them, when in reality the prime obstacle to the elimination of poverty lies in economic, political, and social structure that operates to protect and increase the wealth of the already affluent". (1969 : 216)

Konsep Budaya Miskin mestilah digunakan dengan berhati-hati kerana penyalahan penggunaan konsep tersebut akan menimbulkan kekeliruan seperti yang dijelaskan oleh Roach, iaitu:

"An elaborate description of the characteristics of the poor may be useful in providing clues to the causes and solutions of their conditions, but it may lead to a facile conversion of the characteristics of the poor can prelude serious consideration of how the overall functioning society excluded certain categories of the population from its general prosperity. Efforts to reduce poverty in such instances may emphasize exhortation of the poor to life themselves by their own bootstraps and occur in atmosphere which blames the poor themselves". (1972 : 28)

Kemiskinan juga boleh disebabkan oleh peranan-peranan berbagai institusi dalam masyarakat yang menimbulkan perbezaan pencapaian ekonomi, sosial dan politik. Kemiskinan bukanlah wujud secara kebetulan tetapi ianya perkara pokok yang ada kaitan dengan struktur sesebuah masyarakat seperti yang ditegaskan oleh Leonard, iaitu:

"Poverty and other forms of social under-privileges are not incidental or accidental but fundamental to the structure of society". (1971 : 2-4)

Jadi kemiskinan disebabkan juga oleh faktor-faktor struktural dan pendekatan ini dinamakan pendekatan struktural. Mengikut pendekatan ini, individu-individu merupakan faktor penting dalam penguraian sebab-sebab kemiskinan. Hal ini disebabkan anggapan,

".... individual experiencing the same 'structure' will behave in the same way. Besides its imputed influence on individual behaviour, it is assumed that certain parts of the structure affects other parts".  
(Hegedon, 1973 : 4)

Juga pendekatan ini menegaskan bahawa,

".... poverty is the result of the normal functioning of principal institution of capitalism - specifically labour markets, social class division and the state".  
(Watchel, 1971 : 256)

Jadi kemiskinan adalah berpunca dari institusi yang terdapat di dalam masyarakat. Misalnya, di dalam masyarakat kapitalis, yang menjadi punca utama kemiskinan ialah institusi pemilikan harta perseorangan, sistem pasaran dan pembahagian kelas. Institusi-institusi tersebut akan menyebabkan ketidaksamaan di dalam bidang ekonomi dan sosial, yang akan membawa kepada kemiskinan seperti mana yang ditegaskan oleh Gunar Mydral iaitu:

"Social inequality stands as the main cause of economic inequality, while at the same time, economic inequality supports social inequality; social and economic inequality stands as the main cause of poverty of the nation. From the planning point of view this means that greater equality is pre-condition for the lifting of a society out of poverty. The poorer a nation is in aggregate or average term, the more severe hardship will economic inequality wreak on those who are the poorest. Economic and social inequality may itself be not only a cause to the prevailing poverty and the difficulty for country in rising out poverty but also at the same time, its consequences".  
(1970 : 56-57)

Kemiskinan juga boleh dilihat sebagai satu kemunduran yang berpunca dari berbagai perkara yang mempunyai hubungan dengan kedudukan kelas pekerja dalam susunlapis masyarakat. (Frank, 1971 : 10). Oleh yang demikian, kemiskinan mestilah dilihat dalam konteks jaringan sistem

sosial, ekonomi dan politik yang wujud di antara berbagai-bagai bahagian dalam masyarakat dan di antara negara-negara di seluruh dunia.

Hal ini dinyatakan oleh A.G. Frank, iaitu:

"It is generally held that economic development occurs in a succession of capitalist stages and that today's underdeveloped countries are still in a stage, sometimes depicted as an original stage of history, through which the new developed countries passed long ago. The now developed countries were never underdeveloped though they may have been undeveloped. It is also widely believed that the contemporary underdevelopment of a country can be understood as the product of reflection solely of its own economic, political and social cultural characteristics of the structure". (1970 : 3)

Frank juga telah mengatakan kemunduran dan pembangunan adalah saling melengkapi, iaitu:


".... the development and underdevelopment are two aspects of the same historical process involving the creation and spread of modern technology". (1971 : 10)

Kemunduran yang dialami oleh sesebuah negara, kawasan, komuniti atau kumpulan-kumpulan tertentu adalah akibat hubungan yang tidak seimbang di antara metropolis dan satelit.

Putaran ganas atau 'vicious circle' (Winslow, 1951 : 9) menjelaskan satu faktor wujud disebabkan oleh satu atau lebih faktor-faktor lain. Seterusnya ini menyebabkan lain-lain faktor yang sedia ada berubah dalam satu pusingan atau bulatan yang lengkap atau 'circular causation'.

Sebab musabab yang terjadi dalam satu pusingan yang lengkap inilah yang mengakibatkan putaran ganas. Oleh itu jika putaran ganas ini diaplikasikan kepada sebab-sebab terjadi kemiskinan, rajahnya adalah seperti berikut:

Menurut Syed Muin Ali, dalam bukunya "Poverty in Malaysia", ia terdapat empat faktor yang berlaku antara pengaruh pusingan yang berlakunya dan yang berlakukannya. Maka ia ada faktor-faktor seperti jalinan yang berlakukannya, jalinan yang tidak berlakukannya dan permintaan hasil barang yang berlakukannya.



### Putaran Ganas Kemiskinan

#### (Vicious Circle of Poverty)

Sememangnya wujud putaran ganas kemiskinan dalam masyarakat Melayu di luar bandar yang boleh dianalisa mengikut rajah di atas. Sektor pertanian mempunyai keupayaan terhad dan mengeluarkan hasil yang rendah. Hasil pertanian sentiasa mengalami pulangan yang berkurang atau decreasing return, kerana dalam sektor ini ada 'disadvantage' seperti iklim yang berubah, hasil yang tidak tetap dan permintaan hasil barang peringkat pertama tidak anjal. Ini mengakibatkan pengeluaran yang rendah, akibatnya petani-petani Melayu di luar bandar mendapat pendapatan yang rendah.

Dalam pengkajian Syed Husin Ali di Kangkong (Kedah), Kerdau (Pahang) dan Bagan (Johor), pendapatan purata bagi ketiga-tiga komuniti menunjukkan bahawa 38.9% berpendapatan kurang dari \$60.00 sebulan, 72.5% kurang dari \$120.00 dan 81.5% kurang daripada \$180.00 bagi tiap-tiap bulan. (1976 : 30). Ini menunjukkan pendapatan petani-petani pada umumnya rendah samada mereka bergantung pada tanaman padi, seperti dalam kajian T.B. Wilson (1958), pada penangkapan ikan, Raymond Firth (1966) dan juga dalam perusahaan lain.

Jadi, kebanyakan petani-petani Melayu, disebabkan pendapatan mereka rendah, mereka tidak dapat menyimpan. Ini bersetujuan dengan Teori Kecenderungan Sut Pengguna yang menerangkan bahawa di kalangan keluarga yang berpendapatan rendah, sebahagian besar dari perbelanjaan adalah untuk bahan makanan. Oleh kerana itu, mereka selalu terlibat dalam hutang-menghutang. Mereka berhutang dalam berbagai bentuk berdasarkan keadaan terdesak, di mana keperluan untuk meminjam itu tidak

dapat dielakkan. Mereka meminjam dari 'orang tengah' sebelum memulakan pekerjaan di ladang atau di sawah. Mereka juga berhutang dengan mengambil barang di kedai tiap-tiap hari. Dalam hal ini golongan penanam padi dan nelayanlah yang kerap berhutang jika dibandingkan dengan petani-petani yang bertanam getah. Ini kerana biasanya pesawah dan nelayan terpaksa meminjam atau mengambil barang di masa mereka tidak turun ke sawah atau tidak ke laut.

Hutang juga boleh berlaku apabila mereka mencagarkan tanah untuk mendapatkan hutang dalam tempoh tertentu. Jika hutang tidak dapat dijelaskan dalam tempoh tertentu juga, maka tanah itu akan berpindah hak milik. Oleh kerana tiada lagi memiliki tanah mereka terpaksa menyewa tanah, yang mana menyempitkan lagi kehidupan mereka. Petani juga akan terikat dengan pihak pemberi hutang, di mana mereka terpaksa menjual hasil pada kadar yang rendah.

Disebabkan berhutang, petani atau nelayan tidak menabung, akibatnya pelaburan kurang. Apabila pelaburan kurang, putaran ganas kemiskinan masih lagi mengongkong kehidupan mereka di luar bandar, kerana petani tidak dapat menambahkan pendapatan mereka. Pendapatan yang rendah, menandakan kuasa beli yang rendah dan akibatnya daya pengeluaran rendah, kerana tidak dapat membeli baja tanaman, racun musuh tanaman dan sebagainya.

Putaran ganas kemiskinan ini akan berterusan sebagaimana yang dinyatakan oleh US Council of Economic Advisors, iaitu:

"The vicious cycle, in which poverty breeds, occurs through time, and transmit its effects from one generation to another. There is no beginning to the cycle, no end".  
(1964)

Putaran ganas kemiskinan tidak menjawab soalan mengapa kemiskinan berlaku, tetapi sebaliknya ia menerangkan bagaimana apabila kemiskinan wujud, ia akan berterusan.

#### 2.4 Kemiskinan di Kalangan Orang Melayu

Dalam melihat kemiskinan di kalangan orang Melayu, kita dapat menggunakan berbagai pendekatan. Pendekatan yang sering digunakan ialah pendekatan kebudayaan dan pendekatan struktural. Antara pengkaji yang menggunakan pendekatan kebudayaan untuk menerangkan kemiskinan orang Melayu ialah M.G. Swift (1963), B.K. Parkinson (1975), dan P.J. Wilson (1968). Sementara Syed Husin Ali (1972, 1975, 1978) dan Ungku Aziz<sup>1</sup> menggunakan pendekatan struktural.

<sup>1</sup> Analisa struktural Ungku Aziz mengenai masalah kemiskinan tertumpu kepada proses dilektikal yang terbatas kepada pertentangan antara kaum di kawasan luar bandar di mana pemodal-pemodal Cina dan India bertindak sebagai orang tengah yang menindas petani-petani yang terdiri dari orang-orang Melayu. Beliau tidak menunjukkan hubungan antara struktur ekonomi luar bandar dengan faktor-faktor sosio-politik yang memainkan peranan penting dalam kehidupan di luar bandar serta hubungan antara struktur ekonomi luar bandar dengan struktur ekonomi nasional yang memainkan peranan penting dalam menentukan keadaan ekonomi luar bandar. Perbincangan lanjut lihat Kamal Salih, "Unbalance Growth and Persistence Poverty: The Consequences of Unequal Access in Urban and Rural Development", Kertas kerja dibentangkan di Seminar on Actiology of Poverty, Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur, 15-17 Mac 1975.

Parkinson dalam usahanya menjelaskan kemunduran ekonomi orang Melayu di luar bandar, mengatakan orang Melayu masih kuat berpegang dengan cara lama dan sukar menerima perubahan. Walaupun dia kuinya bahawa memang,

"little or no specific research undertaken to determine whether or not the rural Malays are generally resistant to change", (1975 : 333)

tetapi kesimpulan demikian dicapainya dengan berdasarkan kepada beberapa pemerhatiannya dan pembacaannya mengenai kehidupan dan adat resam mereka.

Parkinson memberi contoh keengganan kaum nelayan di Pantai Timur untuk menangkap ikan di laut dalam (deep-water fishing) supaya tangkapan mereka meningkat, iaitu satu perkara yang tidak dapat mereka capai dalam perikanan dekat perairan pantai, kerana ikan telah berkurangan di sini. Menurut beliau lagi, keengganan nelayan itu adalah kerana mereka tidak suka berjauhan dari rumah, yang mana ini adalah satu perkara yang pasti berlaku dalam penangkapan ikan di perairan yang dalam. Namun demikian, Parkinson juga akui bahawa kekurangan kelengkapan yang sesuai untuk perikanan air dalam, telah menyebabkan nelayan enggan menangkap ikan di perairan dalam.

Parkinson juga telah menyebut mengenai agama Islam yang berperanan sebagai penghalang penerimaan perubahan. Ia mengatakan bahawa,

"The Islamic belief that all things are emanations from God is another important force affecting the Malays' economic behaviour, for it tends to make them fatalistic in their approach to life".  
(1975 : 336)

Pendapat Parkinson telah mendapat kritikan dari William Wilder. (1971 : 341-346). Wilder menolak pendapat Parkinson dengan alasan-alasannya mengenai sikap orang Melayu yang menentang perubahan. Tetapi Wilder tidak mempersoalkan tegasan Parkinson mengenai peranan Islam ke atas kegiatan orang Melayu.

Dakwaan Parkinson mengenai Islam dalam beberapa bidang kehidupan orang-orang Melayu, adalah dilihat dari kacamata orang yang tidak memahami Islam. Di dalam tulisannya, Parkinson mengatakan bahawa sikap fatalis yang wujud di kalangan orang Melayu adalah salah satu kesan daripada ajaran Islam ke atas mereka. Sikap fatalis ini tidak mendorong mereka supaya berusaha memajukan ekonomi mereka melalui perubahan-perubahan. Bagi Parkinson aqidah Qadha dan Qadar itu adalah asas fatalisme. Adalah diakui bahawa menjadi tanggungjawab tiap-tiap umat Islam mempercayai akan qadha dan qadar, tetapi adalah salah bagi umat Islam menyerah bulat-bulat nasib mereka ke tangan Allah. Ini jelas dari firman Allah Surah 13, ayat II, yang bermaksud "Tuhan tidak mengubah nasib satu kaum kiranya kaum itu sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya". Firman Allah lagi yang bermaksud, "Katakan, kebenaran itu datang dari tuhan, sebab itu siapa mahu, berimanlah, dan siap yang (tidak) mahu, janganlah beriman". (Surah 18, ayat 29). Walaupun Allah adalah punca menyebabkan segala sesuatu berlaku, ini tidak pula bermakna bahawa Allahlah yang menyebabkan seseorang itu mengalami nasib yang tertentu. Allah telah mencipta keadaan dalam mana manusia hidup dan bertindak, tetapi Allah juga telah memberi kesempatan pada manusia untuk memilih bagaimana ia harus bertindak dan jalan mana yang harus diikuti. Jadi

berdasarkan ajaran-ajaran Islam dalam bidang ekonomi dan kehidupan, maka kita dapat menyangkal bahawa Islam adalah sebab utama kemunduran orang Melayu, seperti yang disarankan oleh Parkinson.

Bagi M.G. Seift, salah satu faktor yang menyebabkan kemunduran di kalangan orang Melayu ialah sikap fatalis. Ia menyebut,

"Malays is very prone, after receiving a setback, to give up striving, and say that he has no luck, that it is the will of God. In economic affairs, this is most clearly seen in the concept of rezeki, a person's divinely inspired economic lot".  
(1965 : 29-30)

Penggunaan pendekatan seperti yang dibuat oleh Parkinson dan Swift, mempunyai kelemahan-kelemahan, di mana kajian-kajian yang dilakukan oleh beberapa tokoh tempatan seperti Syed Husin Ali, telah membuktikan bahawa orang miskin tetap wujud, walaupun mereka tidak dikongkong oleh kepercayaan kepada rezeki dan nasib itu. Sebaliknya tidak kurang pula orang Melayu yang sudah mencapai kejayaan dan kekayaan walaupun mereka berpegang kuat pada kepercayaan tersebut.

Ungku Aziz, dalam kajiannya mengenai kemiskinan orang Melayu di luar bandar, menegaskan bahawa kemiskinan adalah disebabkan oleh 3 faktor utama iaitu keadaan kehidupan yang terbiar; daya pengeluaran yang rendah dan penindasan ke atas petani-petani. (1964 : 80). Ketiga-tiga faktor ini bersama dengan pemecahan tanah, menyebabkan petani terikat dengan beban hutang yang sukar diselesaikan.

Bagi Syed Husin Ali, kemiskinan luar bandar wujud kerana adanya institusi sosial dan sistem ekonomi yang membolehkan berlakunya penumpuan hak milik dan penindasan ke atas petani-petani. Tegasnya,

".... the continuation of feudalism, manifested in landlordism and penetration of capitalism with its attendant market economy, bring forth the various institutions and personnel..... The combination of these system have resulted in landlessness, low income and poverty among many, and relatives wealth among few. It is the majority who are now being gripped by the 'Vicious Circle of Poverty'. Their conditions have been very much the result of historical development and also the existence of system, structure and organization that work against their interest". (1972 : 112)

Selanjutnya beliau menegaskan dalam sistem inilah berlakunya penumpuan hak milik dan kehilangan hak milik yang merupakan punca utama kemiskinan di luar bandar. Kehilangan hak milik tanah bermakna kehilangan sumber pencarian dan ini akan mengakibatkan pendedahan pada penindasan samada berbentuk hutang atau sistem-sistem sewa. Mereka yang terdedah ini akan terperangkap dalam lingkaran ganas kemiskinan.

Sebagai kesimpulannya dapatlah ditegaskan bahawa kemiskinan di Malaysia memang nyata. Kemiskinan ini lebih banyak didapati di kawasan luar bandar yang menjalankan kegiatan pertanian, dan lebih ketara juga di kalangan masyarakat Melayu. Dalam penguraian kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu, struktur dan institusi ekonomi-politik merupakan punca yang menyebabkan kemiskinan. Perlanjutan sistem feudal yang

menjelmakan sistem hak milik tanah, kemasukan sistem kapitalis yang membawa bersama-sama ekonomi kewangan, dan melahirkan berbagai institusi ekonomi-politik, telah mengakibatkan kelaparan tanah, pendapatan rendah dan kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu luar bandar.

Kemudian, putiz-putiz yang terdiri daripada teknologi bagi kampung, jualah peratus, kesanahan-kesanahan dan kerai keajuan sosial di kampung, penggalian tanah, puncak-puncak pendapatan, corak penggundulan, pelajaran, corak simpanan dan pinjaman.

#### 3.1 Putiz-putiz dalam mengensi Kawasan Keliau

Kampung ini mempunyai keluasan tanah sebanyak 250 ekar, dan dari jumlah tersebut 55 ekar adalah tanah hak milik yang sesuai untuk pertanian, 10 ekar tanah kersik, 60 ekar tanah hak milik dan tanah kerajaan untuk tanaman padi. Hali setahun dan 60 ekar lagi tanah hak milik dan tanah kerajaan untuk tanaman getah. Di samping itu ada juga kolam ikan sebanyak tujuh ekar.

Penduduk kampung ini berjumlah 430 orang. Kesemuanya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Terdapat 105 orang kakak-kakak di bawah umur 7 tahun, dan 50 orang dalam lingkungan umur perkoleongan. Bilangan beliawanis ialah 25 orang dan hanya 5 orang yang bekerja. Bagi belia-belia lelaki pulak ada 30 orang dan hanya 10 orang yang bekerja.

### BAB III

#### LATARBELAKANG RESPONDEN DI KAWASAN KAJIAN

Bab ini membincangkan tentang butir-butir umum mengenai kawasan kajian. Butir-butir umum termasuklah luar kampung, jumlah penduduk, kemudahan-kemudahan dan taraf kemajuan sosial di kampung, penggunaan tanah, punca-punca pendapatan, corak penggunaan, taraf pelajaran, corak simpanan dan pinjaman.

##### 3.1 Butir-butir Umum Mengenai Kawasan Kajian

Kampung ini mempunyai keluasan tanah sebanyak 250 ekar, dan dari jumlah tersebut 55 ekar adalah tanah hak milik yang sesuai untuk pertanian, 10 ekar tanah kerajaan, 65 ekar tanah hak milik dan tanah kerajaan untuk tanaman padi 2 kali setahun dan 60 ekar lagi tanah hak milik dan tanah kerajaan untuk tanaman getah. Di samping itu ada juga kolam ikan seluas 0.25 ekar.

Penduduk kampung ini berjumlah 430 orang. Kesemuanya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Terdapat 105 orang kanak-kanak di bawah umur 7 tahun, dan 50 orang dalam lingkungan umur persekolahan. Bilangan beliawanis ialah 25 orang dan hanya 5 orang yang bekerja. Bagi belia-belia lelaki pula ada 30 orang dan hanya 10 orang yang bekerja.

Institusi-institusi yang ada di kampung ini ialah Jawatan-kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pertubuhan UMNO dan PAS, Pertubuhan Peladang, Pertubuhan RELA, KEMAS dan Sekolah Agama. Sekolah Agama ini ditubuhkan oleh JKKK pada tahun 1970 dan sekarang mempunyai 50 orang penuntut.

### 3.2 Pola Pemilikan Tanah

Dalam satu masyarakat pertanian, tanah merupakan sektor penge-luaran yang terpenting. Bagi petani, tanah bukan sahaja merupakan sumber pendapatan yang penting, malahan seluruh kehidupan mereka, kedudukan mereka, dan masa hadapan mereka ditentukan oleh perhubungan mereka dengan tanah. Perhubungan petani dengan tanah menentukan status petani tersebut, samada sebagai pemilik, penyewa atau petani yang tidak memiliki tanah.

Hasil dari kajian yang telah dibuat terhadap 50 responden di kampung ini, corak pemilikan tanah ikut keluasan adalah seperti Jadual 2. Dari jadual, jelas kelihatan pemilikan tanah dengan saiz yang kecil. Ada petani yang tidak mempunyai tanah dan pemilikan tanah adalah ber-beza-beza keluasannya. Jadual ini menunjukkan bahawa 20 peratus (10 orang) memiliki 0.1 hingga 2 ekar tanah, 22% (11 orang) memiliki 2 hingga 4 ekar dan 46% memiliki lebih dari 4 ekar. Terdapat 12% (6 orang) yang tiada memiliki tanah.

Jadual 2

Pemilikan Tanah Ikut Keluasan bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah

Luas dimiliki (ekar)	Bilangan Pemilik	Peratus (%)
0.1 - 2	10	20
2 - 4	11	22
4 - 6	10	20
6 - 8	5	10
Lebih daripada 8	8	16
Tiada pemilikan	6	12
Jumlah	50	100

Pembahagian tanah ikut keluasan ini tidak menampakkan sistem dua kelas yang jelas iaitu terdiri dari tuan tanah pada satu pihak dan menyewa pada pihak yang lain. Dalam keadaan yang sebenar, ada tuan tanah yang tanahnya dikerjakan oleh orang lain melalui sistem bahagi dua atau sewa, ada pula individu yang hanya mengerjakan tanah orang lain dengan tidak memiliki tanah sendiri. Ada di antara mereka yang mengerjakan tanah sendiri dan ada yang mengerjakan tanah orang lain di samping membuat kerja-kerja tidak tetap dalam kampung. Dengan demikian didapati bermacam-macam kategori orang, mengikut hubungan mereka dengan tanah ia itu pemilik, pemilik serta pemilik-pengerja, pemilik-pengerja, pemilik-pengerja serta penggerja dan penggerja sahaja.

Kategori pemilik adalah mereka yang mempunyai tanah tetapi tidak mengerjakan tanah samada kerana mereka mampu berbuat demikian atau terpaksa akibat sakit atau tua. Mengenai pemilik serta pemilik-pengerja, mereka ini biasanya mempunyai lebih tanah daripada mereka boleh usaha-kan, oleh itu mereka sewakan bakinya. Pemilik-pengerja ialah mereka yang mengerjakan semua tanah yang mereka punya, setengahnya merupakan unit yang ekonomik untuk dikerjakan dan setengahnya tidak. Mereka yang mengusahakan bidang tanah yang tidak ekonomik, terpaksa berbuat demikian kerana tiada pekerjaan lain. Pemilik-pengerja serta penggerja pula mengusahakan tanah sendiri dan sebagai tambahan mengerjakan juga tanah yang dipunyai oleh orang lain atas dasar sewa, bahagi dua atau cara bayaran yang lain. Akhirnya mengenai penggerja pula, mereka tidak mempunyai tanah tetapi mengerjakan tanah orang lain samada sebagai penyewa, pem-bahagi dua atau kedua-duanya sekali. Pembahagian pemilikan tanah meng-ikut kategori-kategori ini jelas dalam Jadual 3.

Jadual 3

Pembahagian Pemilikan Mengikut Kategori-kategori  
bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah

Kategori/ milik	Keluasan dalam ekar						Peratus (%)
	0-2	2-4	4-6	6-8	Lebih drp. 8	Jumlah	
Pemilik	5	1	0	3	1	11	22
Pemilik-pemilik -penggerja	1	6	4	2	1	14	28
Pemilik-pengerja	1	3	4	1	3	12	24
Pemilik-pengerja -penggerja	2	4	1	0	2	9	18
Pengerja	2	2	0	0	0	4	8
	11	16	9	6	8	50	100

Dalam Jadual 3, pengera tidak punya tanah atau mempunyai paling sedikit tanah dan pemilik mempunyai paling banyak tanah. Pemilik serta pemilik-pengerja pada keseluruhannya mempunyai lebih banyak tanah dari pemilik-pengerja dan mereka ini pula mempunyai lebih banyak tanah dari pemilik-pengerja serta pengera.

Pola yang hampir sama dapat dilihat pada pembahagian pendapatan, sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.

Jadual 4

Pembahagian Pendapatan (\$) Mengikut Kategori-Kategori Tertentu bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah.

Kategori/Pendapatan	0-100	100-200	200-300	300-400	Lebih 400	Jumlah	Peratus (%)
Pemilik	2	3	4	1	1	11	22
Pemilik-pemilik-pengerja	2	8	4	0	1	15	30
Pemilik-pengerja	0	9	1	1	1	11	22
Pemilik-pengerja-pengerja	0	7	1	1	0	9	18
Pengerja	0	1	3	0	0	4	8
	4	28	12	3	3	50	100

Mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah ialah penggerja, manakala yang mendapat pendapatan yang tinggi tidak hanya pada kategori pemilik sahaja. Ini adalah kerana di kalangan orang yang bergantung kepada tanah, keluasan tanah yang dimiliki bukannya satu faktor penentu bagi pendapatan. Faktor-faktor lain seperti jenis tanaman, daya penge-luaran tanah, kerja-kerja sampingan dan sistem pembahagian hasil, boleh juga menentukan jumlah pendapatan yang diperolehi. Pemilik tidak merupakan kategori yang memiliki pendapatan yang tinggi kerana kebanyakan mereka tidak mengerjakan tanah kerana sentiasa uzur atau tanah yang mereka miliki tidak ekonomik untuk diusahakan, dan bukan kerana mampu (berharta) mereka tidak mengerjakan tanah.

Daripada pemilikan tanah dan pembahagian pendapatan, petani dapat dibahagikan kepada tiga kelas iaitu: petani mewah, petani seder-hana dan petani miskin.

Petani-petani mewah adalah mereka yang mempunyai pendapatan yang lumayan jika dibandingkan dengan pendapatan purata dalam kampung, diam dalam rumah yang boleh dikatakan besar dan baik, sungguhpun di-perbuat dari kayu. Kebanyakan dari petani mewah ini adalah dari kate-gori pemilik serta pemilik-pengerja yang mempunyai tanah. Akan tetapi ada juga pemilik-pengerja yang termasuk dalam kategori ini, terutama mereka yang memiliki tanah yang cukup untuk diusahakan sendiri serta mendapat pertolongan lain-lain anggota keluarga, dan mempunyai penda-patan yang agak lumayan.

Petani sederhana ialah mereka yang menganggap diri mereka tidak senang dan tidak pula susah (miskin). Kebanyakan mereka yang mempunyai tanah sendiri iaitu dari kategori pemilik-pengerja. Secara keseluruhan pendapatan mereka adalah lebih rendah dari pendapatan petani-petani mewah. Pengerja juga mungkin tergolong dalam kategori petani sederhana, terutama mereka yang mempunyai kerja sampingan seperti buruh binaan, bertukang dan sebagainya.

Petani miskin pula, hidup mereka adalah buruh jika dibandingkan dengan petani mewah. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah mereka yang bergantung kepada tanah semata-mata sebagai mata pencarian. Mereka ini tidak mempunyai tanah, dan biasanya bekerja sebagai penyewa, pembahagi dua, dan pekerja yang tidak tetap.

Kelas-kelas ini biasanya terdapat dalam bidang pertanian. Terdapat juga mereka yang tidak bergantung kepada pertanian untuk hidup mereka. Antara mereka adalah pegawai kerajaan seperti guru, pegawai Kemas dan pesara-pesara. Kebanyakan mereka ini memiliki tanah dan menyewakannya kepada orang lain. Selain dari itu terdapat juga orang-orang kampung yang bekerja sebagai buruh kasar. Mereka menjual tenaga empat kerat mereka dalam bidang lain untuk mendapatkan sedikit upahan atau gaji.

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan dalam komuniti yang dikaji terdapat pekerjaan-pekerjaan yang berbeza-beza dan pembahagiannya adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5

Pekerjaan Ketua Keluarga bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah

Jenis Pekerjaan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Petani	33	66
Bekerja dengan kerajaan	3	6
Lain-lain pekerjaan	4	8
Tiada saraan tertentu	6	12
Tiada pekerjaan tertentu/tetap	4	8
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Bagi kategori tiada saraan tertentu, mereka mendapat pendapatan dari pihak Kebajikan Masyarakat, pemberian anak-anak dan sebagainya. Tiada pekerjaan tetap pula, adalah mereka yang membuat kerja yang bermacam-macam iaitu merumput kebun, menuai padi, menyediakan sawah untuk menanam dan lain-lain kerja bersangkutan dengan pertanian.

### 3.3 Kegunaan Tanah

Ada beberapa kegunaan tanah di kawasan kajian. Kegunaan-kegunaan tersebut adalah untuk tanaman padi, getah, dusun buah-buahan, tapak rumah, kolam ikan dan tanaman sayur-sayuran. Pembahagian pemilikan tanah mengikut jenis kegunaan dapat dilihat pada Jadual 6.

Jadual 6

Pembahagian Pemilikan Tanah Mengikut  
Jenis Kegunaan bagi 50 Responden di  
Kampung Paya Lintah.

Jenis Kegunaan	Keluasan dalam ekar						Jumlah
	0.1-2	2-3	3-4	4-5	5-6	Lebih drp. 6	
Padi	30	7	1	0	1	0	39
Getah	8	15	5	1	1	5	35
Dusun	15	9	2	1	1	1	29
Lain-lain	11	0	0	0	0	0	11
	64	31	8	2	3	6	114

### 3.4 Cara-Cara Pemilikan Tanah

Ada beberapa cara pemilikan iaitu secara pesaka, pembelian (carian), dan pemberian. Juga tanah boleh dimiliki dengan sewaan iaitu menyewa tanah-tanah tumpangan sementara (TOL). Tanah ini tidak mempunyai geran yang sah dan pemiliknya dibenarkan menduduki tanah tersebut dalam tempoh tertentu. Setiap tahun lesen terpaksa diperbaharui untuk membolehkan tanah itu diusahaikan secara sah. Tanah pemberian adalah tanah yang didapati dengan permohonan dari kerajaan. Ianya memiliki geran yang sah. Bagi tanah pesaka, ianya adalah pembahagian secara undang-undang Islam. Pembahagian ini disebutkan Sistem Faraid. Sistem ini dikatakan salah satu punca pemecahan tanah kepada saiz yang tidak ekonomik untuk diusahakan. Hal ini harus dikaji dahulu, samada ia benar-benar menyabab-

kan pemecahan. Dalam sistem Faraid, yang dituntut bukan pemecahan saiz tanah seperti yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa negara, tetapi yang dituntut dalam sistem Faraid ialah pembahagian hasil dari tanah yang dipesakai. Jadi pembahagian tidak dilakukan secara adil sebagaimana yang ditetapkan di dalam Islam. Pembahagian milik tanah mengikut cara ia diperolehi adalah seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7

Cara-cara Memiliki Tanah di Kalangan 50 Responden di Kampung Paya Lintah.

Cara pemilikan	Jenis-jenis kegunaan tanah				Bilangan pemilik
	Sawah	Getah	Dusun	Lain-lain	
Pesaka	32	20	12	9	73
Pembelian (carian)	5	21	16	2	44
Pemberian	0	1	1	0	2
Jumlah	37	42	29	11	119

Dari Jadual didapati bahawa tanah sawah, cara pemilikannya adalah pesaka dan belian. Cara pesaka adalah cara pemilikan yang utama bagi tanah sawah. Ini adalah kerana tanah-tanah sawah yang baru jarang-jarang dapat dibuka atau ditambah. Bagi pemilikan secara belian pula, kebanyakannya pemilik mula-mula, menyewa tanah kerajaan dengan sistem TOL. Kemudian setelah beberapa lama menduduki tanah tersebut, mereka membuat

permohonan bagi mendapatkan kuasa sepenuh atas tanah tersebut. Selalu-nya mereka dikehendaki membuat sedikit bayaran. Setengah tanah dibeli daripada pemilik-pemilik yang menjual tanah mereka kerana terpaksa seperti membayar hutang atau kerana sebab-sebab lain seperti kenduri-kendara, menunaikan fardhu haji dan sebagainya.

### 3.5 Pemasaran, Pinjaman dan Simpanan

Kesukaran ditemui dalam mendapatkan maklumat mengenai simpanan dan pinjaman. Simpanan, walaupun boleh dalam berbagai bentuk, tetapi dalam kajian ini, yang dimaksudkan dengan simpanan adalah berbentuk wang dan saham. Umumnya petani menggunakan semua pendapatannya untuk keperluan hidup, tetapi ini tidak bermakna mereka tiada membuat simpanan dari masa kesemasa. Namun demikian simpanan mereka ini, tidak kekal lama kerana sering menghadapi masalah kesempitan wang. Jadi kebanyakan dari mereka menyimpan untuk digunakan apabila timbul kesulitan kewangan.

Dalam kajian, didapati bahawa kebanyakan mereka menabung apabila tiba musim buah-buahan seperti durian, di mana hasil pendapatan yang diperolehi dari jualan buah-buahan adalah lumayan. Mengenai hasil daripada tanaman getah, pendapatan yang diperolehi hanya cukup untuk perbelanjaan harian. Begitu juga dengan tanaman padi, di mana hasilnya hanya cukup untuk kegunaan sendiri. Jadi jarang sekali mereka menabung dari hasil pendapatan tanaman getah dan padi.

Jadual 8 menunjukkan tempat simpanan responden dan tujuan mereka menabung.

Jadual 8

Tempat Simpanan dan Tujuan Menabung  
bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah

Perkara	Tempat Simpanan						Tujuan Menabung			
	Tiada Simpanan	Rumah	Bank Simpanan Nasional	Tabung Haji	Amanah Saham Nasional	Bilangan	Tiada Simpanan	Masa Depan	Pergi Mekah	
Jumlah	19	5	19	2	14	50	19	29	2	50
Peratus	38	10	38	4	28	100	38	58	4	100

Dari Jadual didapati 19 orang tidak menabung kerana mereka sering tiada lebihan dari pendapatan yang diperolehi. 19 orang membuka akaun di Bank Simpanan Nasional, 2 orang menyimpan di Tabung Haji untuk tujuan menunaikan fardu haji dan 5 orang menyimpan di rumah. Mereka menyimpan di rumah dengan alasan mereka malu kerana kerapkali jumlah simpanan kurang dari \$10.00 dan wang mereka senang diperolehi apabila dikehendaki tanpa bersusah-payah mengeluarkannya dari Bank dan sebagainya. Walaupun mereka tahu risiko yang terpaksa ditanggung, namun mereka lebih senang menyimpan di rumah. Sejak Amanah Saham Nasional dilancarkan, sambutan yang diperolehi adalah menggalakkan. Sejumlah 14 orang telah melabur, walaupun cuma pelaburan pokok. Bilangan mereka yang menyimpan

di Tabung Haji sedikit kerana mereka lebih suka menjual tanah dan lain-lain milik, atau mendapat sumbangan dari anak-anak bagi perbelanjaan menunaikan haji.

Tujuan utama kebanyakannya petani menyimpan ialah untuk masa hadapan, termasuklah untuk kegunaan persekolahan anak-anak dan semasa kesempitan, di mana 29 orang mempunyai tujuan sedemikian. Mereka tidak mahu anak-anak mereka mewarisi kemiskinan yang mereka alami dan seboleh-bolehnya mereka memberikan pelajaran setakat mana yang mampu.

Pada umumnya simpanan yang dibuat oleh para petani, biasanya tidak banyak, menyimpan bila ada lebihan dan tidak kekal lama kerana masalah kewangan yang tidak putus-putus dialami. Kerap kali mereka terpaksa membuat pinjaman dan hutang-piutang menyulitkan lagi tujuan untuk menyimpan. Justeru itu mereka terperangkap dalam kemiskinan yang tiada kesudahan.

Distribusi pinjaman dan sumber pinjaman petani boleh dilihat dalam Jadual 9. Dari jadual didapati 58% petani tidak meminjam. Ini mungkin kerana rumit dan memakan masa untuk mendapatkan pinjaman terutama dari Bank. Ada 2 orang petani yang meminjam untuk membeli barang-barang modal. Seorang darinya meminjam dari MARA sebanyak \$1,500.00 untuk membeli peralatan pertukangan besi. Tiada faedah dikenakan dan petani itu terpaksa membayar secara ansuran sebanyak \$60.00 sebulan. 30% petani membuat pinjaman dalam bentuk wang. Kebanyakan petani meminjam dari orang tengah ataupun pekedai. Mereka tidak dikenakan apa-apa faedah tetapi apabila musim buah-buahan, mereka hendaklah menjual pada

Jadual 9

Bentuk Pinjaman dan Sumber Pinjaman  
bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah

Perkara	Bentuk Pinjaman					Sumber					
	Tiada	Wang	Barang Modal	Barang Perabut	Bilangan	Tiada	Bank	Orang Tengah/ Pekedai	Agenzi-agensi Kerajaan	Saudara	Bilangan
Jumlah	29	15	2	4	50	29	1	14	4	2	50
Peratus	58	30	4	8	100	58	2	28	8	44	100

orang tengah atau pekedai ini. Terdapat 8% petani yang meminjam untuk membeli peralatan rumah seperti kerusi-meja, pinggan mangkuk dan lain-lain. Seorang petani telah meminjam dari Bank Pertanian untuk tujuan menanam kacang dan jagung. Tanaman ini meliputi kawasan seluas 0.5 ekar dan petani tersebut tergolong dalam kategori pemilik serta pemilik-pengerja. Ada juga petani yang meminjam untuk membeli bahan-bahan makanan. Akibat langsung dari meminjam wang dari orang tengah atau pekedai itu, kita lihat pusat pemasaran hasil-hasil pertanian juga tertumpu pada mereka. Ini dapat dilihat pada Jadual 10.

Jadual 10

Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian  
bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah

		Bilangan	Peratus
	Tidak jual	22	44
Jual	Agensi kerajaan (e.g. LPN, RISDA)	3	6
	Orang tengah/Pekedai	25	50
	Jumlah	50	100

Mengenai penjualan hasil-hasil pertanian pada agensi kerajaan, contohnya RISDA, petani menemui sedikit kesukaran, kerana penjualan hasil getah hendaklah tetap (setiap minggu) dan menggunakan mesin getah yang disediakan. Timbul kesukaran kerana kadangkala petani tidak menoreh tiap-tiap hari, jadi hasil sedikit menjelang hujung minggu. Mereka enggan menjual getah, kerana hasil yang diperolehi sedikit. Mereka lebih senang kalau dapat menjual hasil mereka pada bila-bila masa yang mereka mahu. Timbul juga kesukaran, kerana mesin getah kepunyaan RISDA itu terletak berhampiran Balairaya kampung ini, yang mana sangat jauh dari kebun-kebun getah petani. Keperluan penggunaan mesin getah RISDA ini ialah supaya saiz dan beratnya tiap-tiap sekeping getah adalah seragam. Orang tengah juga menjadi sasaran sumber meminjam, kerana mereka senang dihubungi, dan senang untuk meminjam tanpa kerumitan-kerumitan seperti di Bank (menghindaki cagaran, penjamin dan sebagainya).

Mereka tidak perlu bimbangkan kegagalan untuk memperolehi pinjaman, dan pembayaran kembali boleh dikira apabila tiba musim buah-buahan.

### 3.6 Perbelanjaan

Daripada kajian didapati bahawa tidak terdapat keseimbangan di antara pola pendapatan dan pola perbelanjaan. Kita dapati bahawa 46% petani berbelanja antara \$200.00 hingga \$300.00, manakala 56% (28 orang) memiliki pendapatan antara \$100.00 hingga \$200.00 (lihat Jadual 4). Perbelanjaan bulanan responden dapat dilihat dalam Jadual 11.

Jadual 11

Perbelanjaan Bulanan Bagi 50  
Responden di Kampung Paya Lintah

Perbelanjaan Bulanan (\$)	Bilangan	Peratus
Kurang dari 100	2	4
100 - 200	12	24
200 - 300	23	46
300 - 400	9	18
400 - 500	2	4
Lebih dari 500	2	4
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Dari jadual hanya 28% saja yang berbelanja kurang dari \$200.00 sebulan. Ini bermakna terdapat lebihan 36% yang berbelanja lebih dari paras pendapatan mereka. Ketidaksamaan pola pendapatan dan perbelanjaan ini disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang keperluan, pembayaran hutang secara beransur-ansur untuk barang-barang seperti radio, talivisyen, persekolahan anak-anak dan pembayaran bil-bil air dan sebagainya. Kerap kali mereka terpaksa meminjam untuk menjelaskan bayaran-bayaran tersebut, membuatkan petani itu tidak putus-putus dari berhutang.

Perbelanjaan terhadap keperluan dapur melibatkan 2/3 dari pendapatan petani. Cara belian dan bayaran barang-barang keperluan dapur adalah seperti Jadual 12.

Jadual 12

Cara Belian dan Bayaran Barang-barang Keperluan Dapur bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah.

Cara	Beli				Bayaran			
	Tiap hari	se minggu	se bulan	Jumlah	Hutang	Tunai	Hutang + Tunai	Jumlah
Bilangan	29	13	8	50	17	19	14	50
Peratus	58	26	16	100	34	38	28	100

Ramai petani lebih suka membeli barang-barang keperluan dapur secara harian. Yang membeli sebulan sekali, adalah mereka yang berpendapatan tinggi dan memperolehi gaji yang tetap. Mereka ini adalah buruh-buruh, pegawai kerajaan dan guru. Di kalangan yang membuat bayaran secara tunai, adalah mereka yang juga kakitangan kerajaan dan buruh-buruh. Juga ada golongan petani yang berhutang dan kadang-kadang membayar dengan tunai, kerana pendapatan mereka yang tetap. Ada juga kakitangan kerajaan yang membeli dengan berhutang, kerana ada kepercayaan dari tuan kedai, memandangkan mereka berpendapatan tetap. Ada juga petani yang diberi berhutang terutama mereka yang mempunyai dusun buah-buahan, kerana hutang mereka akan diselesaikan semasa berlaku jual-beli antara tuan kedai dan petani terhadap hasil buah-buahan tersebut.

Petani juga menggunakan pendapatan yang diperolehi, untuk membeli peralatan pertanian seperti racun rumput, baja, acid getah dan sebagainya. Perbelanjaan ini akan dibicarakan kemudian.

### 3.7 Taraf Pelajaran dan Kelulusan

Pada asasnya terdapat perbezaan yang meluas antara taraf pendidikan ibu-bapa dan anak-anak. Perbezaan ini dapat dilihat dalam Jadual 13.

Dari Jadual 13, perbezaan yang nyata ialah bagi kategori tak bersekolah di mana golongan ibu-bapa, 21.1% tak bersekolah, manakala golongan anak-anak tidak ada yang tidak bersekolah (bagi umur lebih 7

Jadual 13

Pembahagian Pelajaran yang dicapai oleh  
Ibu-bapa dan anak-anak bagi 50 Responden  
di Kampung Paya Lintah.

Darjah yang dicapai oleh Ibu-bapa dan Anak-anak	Golongan Ibu-bapa		Golongan Anak-Anak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tak bersekolah	19	21.1	0	0
Sekolah Agama	7	7.8	2	1.0
Sekolah Rendah	63	70.0	99	48.5
Sekolah Menengah	1	1.1	102	50.0
Universiti/Maktab	0	0	1	0.5
<b>Jumlah</b>	<b>90</b>	<b>100</b>	<b>204</b>	<b>100</b>

tahun). Dengan ini golongan anak-anak mempunyai asas-asas pendidikan yang diperlukan walaupun belum memadai, setidak-tidaknya mereka bukanlah golongan buta huruf. Anak-anak mempunyai pendidikan sekolah menengah rendah, yang setidak-tidaknya membolehkan mereka memiliki kerja (walau pun pendapatannya rendah). Taraf kelulusan turut berbeza di mana golongan ibu-bapa tidak mempunyai kelulusan yang tinggi berbanding dengan anak-anak mereka. Pembahagian kelulusan dapat dilihat dalam Jadual 14.

Jadual 14

Pembahagian Kelulusan yang diperolehi oleh  
Ibu-bapa dan Anak-Anak bagi 50 Responden  
di Kampung Paya Lintah.

Tingkat Kelulusan yang dicapai oleh ibu-bapa dan anak-anak	Golongan Ibu-bapa		Golongan Anak-anak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tiada kelulusan	90	100	142	69.6
SRP	0	0	49	24
SPM/SPVM	0	0	11	5.4
STPM	0	0	0	0
Maktab	0	0	1	1
Jumlah	90	100	204	100

Dari Jadual 14, paling tinggi kelulusan yang diperolehi oleh anak-anak responden ialah lulusan Maktab Perguruan. Kebanyakan anak-anak mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan sebanyak 142 orang tamat darjah enam, tetapi gagal dalam peperiksaan SRP.

Faktor pelajaran dan adanya peluang-peluang pekerjaan luar dari sektor pertanian telah mendorong para belia terutamanya berhijrah ke kawasan lain. Juga mereka berhijrah kerana jemu bekerja di kampung, ingin mencari pengalaman serta pendapatan lebih lumayan. Mereka juga ingin berdikari. Mereka berhijrah setahun dua selepas tamat persekolahan. Bilangan anak-anak responden yang berhijrah kerana bekerja dapat dilihat pada Jadual 15.

Jadual 15

Bilangan Anak-anak Responden yang Berhijrah  
dari Kampung Paya Lintah kerana Bekerja

Sebab-Sebab Berhijrah	Bilangan terlibat	Peratus
LKTP	1	1.5
Buruh kilang/kontrak	23	34.0
Pemandu	1	1.5
Kakitangan Kerajaan	10	15.0
Tentera	16	24.0
Polis	7	10.0
Jururawat/Bidan	4	6.0
Lain-lain pekerjaan	4	6.0
Menganggur	2	2.0
<b>Jumlah</b>	<b>68</b>	<b>100.0</b>

Ada di antara anak-anak responden yang merasakan bahawa pencapaian pelajaran mereka tidaklah sesuai untuk bekerja di kampung, umpamanya menoreh getah atau menanam padi. Juga disebabkan masalah-masalah dalam bidang pertanian seperti harga yang turun naik, bencana alam, penindasan, dan pemilikan tanah yang tidak ekonomik telah mendorong anak-anak responden untuk berhijrah. Di samping itu, mereka berharap dapat meringankan beban yang dipikul oleh ibu-bapa mereka, jika mereka mempunyai pekerjaan, sekurang-kurangnya dapat menghantar wang

balik ke kampung. Dari jadual ada 2 orang yang berhijrah bukan kerana bekerja, tetapi hanya sekadar mahu tinggal bersama-sama abang atau kakak mereka.

### 3.8 Lain-lain Pemilikan

Antara lain-lain pemilikan oleh petani adalah binatang-binatang ternakan, perabut-perabut rumah, talivisyen, radio, basikal, motosikal, dan sebagainya. Bagi binatang ternakan, itik dan ayam tidak dikira sebagai lain-lain pemilikan. Ini adalah kerana jumlah yang dipelihara adalah sedikit (4 atau 5 ekor) dan dipelihara untuk kegunaan sendiri. Yang dimasukkan dalam perkiraan, ialah kerbau. Jumlah kerbau di kampung ini telah berkurangan. Ini disebabkan oleh penggunaan jentera membajak yang meluas. Kerbau tidak banyak digunakan lagi, hanya digunakan untuk membajak tapak semaiian dan untuk meratakan tanah sawah. Di samping mempunyai fungsi yang kurang, kerbau ini juga mendatangkan masalah. Ia terpaksa ditambat di kandang semasa semua sawah sudah ditanam. Ini bererti petani terpaksa membawa keluar kerbau dari kandang pada setiap petang untuk meragut rumput atau petani terpaksa menyabit rumput untuk makanan kerbau. Pemilikan-pemilikan lain adalah seperti dalam Jadual 16.

Walaupun bilangan yang memiliki ternakan 10 orang tetapi jumlah yang mereka miliki ialah purata seekor kerbau bagi seorang. Banyak responden mempunyai peralatan rumah dan perabut iaitu 41 orang. Basikal juga salah satu milikan yang terbanyak, motosikal, pemilikannya berjumlah 10 dan digunakan untuk ke kebun. Pemilikan barang-barang di

Jadual 16

Pemilikan-pemilikan lain bagi 50  
Responden di Kampung Paya Lintah

Jenis milikan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Ternakan	10	20
Peralatan rumah dan perabut	41	82
Kereta	1	2
Motosikal	10	20
Basikal	31	62
Jumlah	93	100

atas tidak bererti petani di sini mewah, kerana barang-barang tersebut telah menjadi satu keperluan bagi petani, dan bukan lagi barang mewah. Di samping itu, barang-barang tersebut walaupun merupakan harta, tetapi ia tidak mendatangkan apa-apa pendapatan pada petani, cuma ianya satu kegunaan bagi semua ahli keluarga (kecuali kerbau).

## BAB IV

### MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KAUM TANI

Bab ini menghuraikan latarbelakang penanam padi dan penoreh getah, serta corak penanaman padi. Bab ini juga akan menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh petani di sini.

Penanaman padi di Semenanjung Malaysia merupakan aktiviti pertanian kedua pentingnya di samping penanaman getah. Ini berdasarkan pada pola penggunaan tanah di Semenanjung Malaysia. Padi ditanam di setiap negeri, tetapi keluasan tanah yang ditanami adalah berbeza-beza dari satu negeri ke negeri yang lain. Begitu juga dengan kawasan tanah getah, di mana keluasannya juga berbeza-beza. Misalnya, di Perlis 75% dari tanah yang dikerjakan untuk pertanian ditanam dengan padi, di Kelantan 35% dan di Kedah 36%. Di Johor pula cuma 1% saja tanah tani yang ditanami dengan padi. (Selvadurai, 1972 : 77)

#### 4.1 Luas Tanah bagi Penanaman Padi di Kawasan Kajian

Kawasan kajian mempunyai luas tanah kerajaan dan tanah hak milik yang sesuai untuk tanaman padi seluas 65 ekar. Hasil dari kajian yang telah dibuat terhadap 50 orang responden di kampung ini, luas tanah sawah yang dimiliki adalah seperti Jadual 16a.

Jadual 16a.

Luas Tanah Bendang yang dimiliki oleh  
50 Responden di Kampung Paya Lintah

Luas (ekar)	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak miliki langsung	15	30
0 - 1	21	42
1 - 2	9	18
2 - 3	4	8
3 - 4	0	0
4 - 5	1	2
Lebih daripada 5	0	0
Jumlah	50	100

Dari segi saiz bendang, keluasan purata setiap bendang di Malaysia ialah 3:1 atau antara 2 ke 5 ekar. (Ibid: 12). Dari jadual, 42% (21 orang) memiliki tanah bendang antara 0 ke 1 ekar, 18% (9 orang) memiliki tanah bendang antara 1 ke 2 ekar dan hanya 2% (1 orang) memiliki tanah bendang 4 ke 5 ekar. Jadi terdapat pemilikan tanah bendang yang tidak ekonomik dengan banyaknya.

Berbagai alasan boleh dikemukakan kenapa keluasan tanah bendang yang dimiliki oleh petani adalah kecil. Kawasan padi merupakan kawasan lama yang telah diwariskan turun-temurun dan melalui sistem pembahagian harta (Faraid), tanah-tanah tadi terpaksa dibahagi-bahagikan kepada

waris-waris, setelah pemilik asalnya mati. Melalui pembahagian-pembahagian ini, maka tanah-tanah bendang menjadi semakin kecil dan menjelang beberapa generasi, pengusahaan ke atas tanah bendang tadi menjadi tidak ekonomik lagi. Juga tanah-tanah bendang yang baru jarang-jarang sekali dapat dibuka atau ditambah sepetimana tanah getah. Sebab utama tanah bendang baru tidak dibuka ialah pengairan tiada, bagi membolehkan penanaman padi, kerana tanah-tanah yang belum diterokai jauh dari sumber air.

#### 4.2 Aturcara Pengerjaan Tanah Padi

Aturcara pengeraaan tanah padi, baik yang menanam sekali setahun, atau dua kali setahun, adalah lebih kurang sama. Ianya melibatkan peringkat-peringkat berikut:-

- a. Penyediaan tanah, termasuklah membajak dan membaiki permatang dan sebagainya.
- b. Menyediakan tapak semaiian.
- c. Menanam dan mengubah.
- d. Membaja.
- e. Menuai.

Kaedah penyediaan tanah ada beberapa jenis mengikut peralatan yang digunakan. Ada yang menggunakan tajak, khususnya bendang yang lembik, menggunakan kerbau untuk membajak atau menggunakan jentera. Kini penggunaan jentera semakin meluas, terutama untuk menyelesaikan

kerja dengan depat kerana kesuntukan masa. Dianggarkan, bayaran \$12.00 ke \$15.00 seekar diperlukan untuk membajak tanah sawah bagi sekali pusingan. Masa yang diperlukan untuk menyediakan setiap seekar sawah dengan menggunakan kerbau ialah 7 ke 10 hari kerja, manakala dengan menggunakan jentera, ia cuma memakan masa beberapa jam sahaja.

Semasa menanam padi, pesawah-pesawah menggunakan alat yang dipanggil kuku kambing atau menggunakan tangan. Menanam dengan tangan adalah lebih pantas, tetapi kuku kambing sering digunakan. Menanam memerlukan tenaga pekerja yang banyak, terutamanya bila mananam dua kali setahun. Ia memerlukan 6 ke 10 hari kerja untuk menyiapkan tiap-tiap tanah bendang. Jadi tenaga upahan sangat-sangat diperlukan. Begitu juga proses menuai padi. Di samping tenaga anggota-anggota keluarga, pesawah terpaksa mengupah orang lain untuk menyelesaikan kerja dengan segera. Menuai dijalankan tanpa menggunakan mesin, yang digunakan ialah sabit dan alat menuai. Padi yang telah dirumpunkan, akan dibanting. Ini lazimnya memerlukan tenaga lelaki. Jerami padi yang sudah dibanting kerap digunakan untuk makanan binatang seperti kerbau.

Untuk mengerjakan bendang dari tahap menyediakan hingga menge-luarkan hasil melibatkan kos yang tinggi. Sukar untuk menentukan kos purata yang ditanggung oleh setiap pesawah dalam keseluruhan proses ini. Ianya berbeza-beza, bergantung pada kaedah yang digunakan untuk mengerja-kan bendang, jenis tanah, sistem sewaan, kadar penggunaan tenaga buruh dan sebagainya. Kos tenaga buruh, selalunya melibatkan 60% ke 80% dari

keseluruhan perbelanjaan pengeluaran. Ini adalah kos asasi yang mesti ditanggung oleh pesawah-pesawah. Selalunya tenaga anggota-anggota keluarga dan tenaga upahan digunakan serentak. Input tenaga buruh untuk mengerjakan seekar tanah bendang dianggarkan di antara 27 ke 40 hari kerja, melibatkan peringkat-peringkat penyediaan, penanaman dan menuai. Kos yang dibayar secara tunai atau lain-lain bentuk dianggarkan \$90.00 seekar. Ia mungkin lebih rendah, jika banyak tenaga anggota keluarga digunakan, dan ia juga mungkin meningkat hingga \$175 untuk seekar di kalangan pesawah yang semata-mata menyewa. Puratanya, pesawah terpaksa membayar \$200.00 untuk mengerjakan seekar tanah bendang.

(1972 : 79)

Dianggarkan pulangan net untuk seekar ialah \$200.00. Ini bererti untuk pesawah yang menanam dua kali setahun dengan kluasan sebanyak 3 ekar seorang, akan memperolehi \$1,200.00 setahun. Jadi hitung panjang pendapatan sebulan pesawah ialah \$100.00 ke \$110.00 sebulan. Di kalangan pesawah yang menanam sekali setahun, 50% pendapatan adalah dari penjualan padi dan selebihnya daripada pekerjaan lain. (1972 : 79)

#### 4.3 Masalah-Masalah Pesawah

Para pesawah tidak boleh lari dari masalah. Masalah-masalah ini khusus berkait dengan hak milik, sewa tanah, kos pengeluaran dan sistem pemasaran dan kredit.

Cara-milik tanah melibatkan hak dan pola pengawalan tanah.

Ia merupakan satu unsur penting dalam pembangunan pertanian. Dalam masa-masa tertentu, ia mempengaruhi daya pengeluaran pertanian. Dalam hubungan ini keadaan-keadaan cara-milik yang tidak menyenangkan, merupakan halangan kepada pembangunan pertanian, manakala sistem cara-milik yang menindas pesawah, memberi kesan untuk menambah daya pengeluaran dan seterusnya memberi sumbangan kepada kemajuan pertanian.

Di kawasan kajian, 26% mengerjakan tanah bendangnya sendiri, dan 22% mengerjakan tanah bendang yang disewa. Terdapat cuma 2% mengerjakan tanahnya di samping menyewa tanah bendang orang lain, 18% menyewa tanahnya pada orang lain, 24% tidak mengerjakan tanahnya (bendang terbiar) dan 8% yang tidak terlibat dalam penanaman padi. Pola cara-milik ini dapat dilihat dalam Jadual 17.

Jadual 17

Pola Cara-milik Tanah Bendang bagi  
50 Responden di Kampung Paya Lintah

Kategori	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak terlibat dalam penanaman padi	4	8
Pemilik (tidak mengusahakan tanah)	12	24
Pemilik (sewakan tanah pada orang lain)	9	18
Pemilik-pengerja	13	26
Pemilik-penyewa	1	2
Penyewa	11	22
Jumlah	50	100

Keadaan penyewaan tanah menimbulkan sejenis hubungan antara pemilik dan penyewa tanah dalam apa yang disebut sebagai gejala landlordism. Menurut gejala ini, fungsi pemilikan dan pengurusan tanah terpisah. Pada satu penghujung, pemilik tanah hanya menyediakan tanah, manakala penyewa menyediakan pengurusan dan tenaga buruh. Pada penghujung yang lain, pemilik tanah hanya menyediakan tanah, manakala pengurusan, tenaga buruh dan pelaburan yang diperlukan dalam proses pengeluaran adalah ditanggung oleh penyewa. Keadaan ini mewujudkan golongan tuan tanah tidur yang hanya menanti masa untuk memungut hasil sewa dari penyewa-penyewa tanah.

Di kawasan kajian, sistem pawah banyak terdapat, di mana 10 orang terlibat. Melalui sistem ini pesawah bersetuju untuk membayar kepada pemilik tanah satu bahagian tetap daripada hasil padi pada satu-satu musim. Bahagian yang lazimnya diterima oleh pemilik ialah 20% atau lebih bergantung kepada jenis pawah yang dipersetujui. Pola pembayaran sewa pada pemilik tanah adalah seperti Jadual 18.

Jadual 18

Pola Pembayaran Sewa Tanah Bendang Bagi  
50 Responden di Kampung Paya Lintah

Jenis bayaran	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak menyewa	39	78
Tunai (wang)	0	0
Hasil (padi)	10	20
Tiada bayaran dikenakan	1	2
Jumlah	50	100

Dari jadual, terdapat seorang yang tidak membayar apa-apa sewa, kerana ia mengerjakan tanah ibu saudaranya yang tinggal di Ipoh. Tiada pesawah yang membayar dengan wang tunai.

Pembayaran sewa dalam sistem pawah adalah berbentuk 'standing padi', hasil padi yang telah dituai, atau dalam bentuk bijian yang telah dibersihkan. Ini bergantung kepada kehendak pemilik tanah. Penanaman padi dua kali setahun adalah untuk menambah hasil keluaran pertanian, justeru itu meningkatkan pendapatan pesawah. Tapi ini tidak selalu berlaku. Pesawah terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi bagi menyediakan tanah sawah untuk dua musim. Hasil yang diperolehi belum tentu dapat menampung kos perbelanjaan menanam padi. Oleh itu kadangkalanya pesawah itu terpaksa berhutang, bagi membolehkannya menanam padi untuk dua musim. Juga, sering apabila pesawah mendapat lebihan pendapatan hasil penanaman padi dua musim, pemilik akan menaikkan sewa. Ini akhirnya akan menempatkan pesawah di tahap yang lama, kerana setiap kenaikan dalam pendapatan pesawah, akan mendorong pemilik tanah menaikkan sewa. Akhirnya sistem yang pada awalnya memberi insentif kepada pesawah untuk meningkatkan pendapatan, telah menjadikan tuan tanah mendapat bahagian yang lebih.

Ikan sawah merupakan salah satu punca pendapatan tambahan kepada pesawah. Kepentingan ikan sawah boleh dilihat dari dua aspek. Pertama, ikan sawah merupakan sumber protein yang murah terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah. Keduanya, hasil tangkapan ikan sawah merupakan satu sumber pendapatan sampingan kepada pesawah.

Pendapatan tambahan ini, besar ertinya terutama kepada mereka yang mengerjakan sawah secara sewa. Pesawah di kawasan kajian menerima lebih kurang 6% pendapatan tambahan dari hasil ikan sawah. Dari kedua-dua aspek ini, jelas sekali begaimana pentingnya ikan-ikan sawah sebagai punca pendapatan selain dari bersawah. Masalah timbul kerana ikan-ikan yang hidup di dalam sawah semakin berkurangan. Hasil tangkapan telah dilaporkan berkurangan oleh pesawah-pesawah di kampung ini. Ada dua sebab utama mengapa ikan tidak banyak lagi didapati dalam sawah atau parit-parit berhampiran. Sistem pengairan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Sebelum tanaman dua kali, sawah akan menakung air selam 8 bulan berterusan. Sekarang, kebanyakan sawah ditanam dua kali setahun, jadi sawah menakung air selama 4 bulan sahaja, di mana kemudiannya sawah itu akan kering ketika menuai. Keadaan sedemikian menyebabkan ikan-ikan tidak sempat membesar dan membiak. Kekurangan makanan dalam parit-parit berdekatan yang menyebabkan ikan-ikan tidak boleh hidup. Ini bererti hasil tangkapan dari sawah yang diusahakan dua kali setahun lebih rendah dari sawah yang ditanam sekali setahun.

Walaupun hasil dari tanaman padi dua kali setahun lebih lumayan dari hasil tangkapan ikan, tetapi kita perlu ingat, bahawa ikan tidak seperti tanaman luar musim yang lain. Oleh itu walaupun tanaman dua kali dijalankan, namun langkah untuk menyelamatkan ikan-ikan dari pupus harus diambil. Ini adalah kerana hasil tangkapan ikan akan menolong menambah pendapatan pesawah.

Satu lagi masalah berhubung dengan tanah ialah pemecahan tanah. Menurut International Bank for Reconstruction and Development (IBRD), pemecahan dan pengecilan tanah adalah biasa dalam negara-negara di mana pembahagian harta benda adalah dikuasai oleh undang-undang pewarisan Islam. (1955 : 314). Hukum pewarisan Islam telah dipersalahkan kerana menyebabkan pemecahan tanah. Menurut hukum, seorang Islam yang mati, pesaknya hendaklah dibahagikan antara keluarganya mengikut bahagian yang ditentukan oleh undang-undang. Ini menyebabkan pemecahan tanah yang tidak rasional dari segi pertanian. Waris-waris lazimnya menuntut bahagian mereka bukan kerana perkiraan ekonomi, tetapi kerana prestij yang diletakkan terhadap pemilikan tanah. Walau bagaimanapun hukum pewarisan Islam sahaja bukan menjadi satu sebab utama yang menyebabkan banyaknya berlaku pemecahan tanah. International Labour Organization (ILO) melaporkan 4 jenis pemecahan tanah yang disebabkan oleh:-

- a. Pemecahan yang tidak dapat dielakkan kerana keadaan semulajadi.
- b. Pemecahan fizika disebabkan oleh aktiviti manusia  
e.g. pembinaan jalanraya, taliair dan sebagainya.
- c. Pemecahan yang dianggap rasional dari segi ekonomi, kerana kemudahan dan kecekapan ekonomi.
- d. Pemecahan yang tidak dianggap rasional dari segi ekonomi, iaitu pemecahan yang bukan untuk kemudahan dan kecekapan ekonomi. (1949 : 9)

Perlu juga dinyatakan bahawa sistem pembahagian harta (sistem faraid) tidak mensyaratkan harta benda simati dibahagikan secara fizikal iaitu pemecahan saiz seperti yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa negara, tetapi yang dituntut dalam sistem faraid ialah pembahagian hasil dari tanah yang diwarisi. Tujuan undang-undang Islam diadakan ialah untuk menggalakkan pergerakan ekonomi, dan bukan untuk menghalang atau menentangnya.<sup>1</sup>

Di kawasan kajian, kita dapat lihat pemecahan tanah bendang berlaku, di mana kerap kali tanah bendang yang mereka miliki adalah kecil saiznya. Tanah bendang yang kecil ini diwarisi melalui undang-undang faraid. Pemilik-pemilik baru ini, tidak menambah harta yang dipesakai, malah akan berlaku pemecahan tanah ke saiz yang lebih kecil apabila pemilik meninggal dunia.

Pengecilan dan pemecahan tanah saling berinteraksi sebagai faktor-faktor yang menyebabkan keadaan berhutang, sewaan dan lain-lain ciri kemiskinan luar bandar, seperti yang disimpulkan oleh lapuran IBRD iaitu pengecilan dan pemecahan menyebabkan pemilikan yang tidak ekonomik, pengangguran tertutup, manambah keadaan berhutang, mengurangkan daya pengeluaran tanah, peninggalan plot-plot tanah yang terlalu kecil yang menjadi tempat bersarang serangga-serangga, dan mengakibatkan disintegrasi terhadap komuniti pertanian. (1955 : 314)

---

<sup>1</sup>Untuk keterangan lanjut berkenaan hal ini, sila lihat, Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaysia, Singapore, 1965, hal. 251-263.

Pemecahan tanah juga menyebabkan gejala tanah terbiar. Ini adalah kerana pemecahan mengakibatkan plot-plot tanah-tanah menjadi kecil, dan sering ditinggalkan kerana tidak ekonomik untuk diusahakan. Sejumlah besar tanah terbiar disebabkan undang-undang yang berkaitan pewarisan tanah-tanah tersebut, yang kadangkala mengakibatkan tanah tidak diusahakan kerana ramai penuntut. Juga tanah terbiar disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja, kekurangan bekalan air, dan masalah modal. Bahagian Perancangan dan Pembangunan di Kementerian Pertanian telah melakukan kajian awal tentang tanah terbiar pada tahun 1978/79 dan mendapati bahawa 2.2 juta ekar tanah sawah dan bukan sawah, tinggal terbiar di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 397,493 ekar adalah terbiar di luar musim. Tanah terbiar mengikut Kanun Tanah Negara ialah tanah yang terbiar selama tiga tahun berturut-turut. Tanah terbiar di luar musim ialah tanah sawah yang ditanam sekali setahun pada hal ia boleh ditanam dengan tanaman-tanaman kontan lain seperti tembakau atau sayur-sayuran. Petani-petani adalah menanggung kerugian besar kerana tanah-tanah terbiar mempunyai potensi untuk dikerjakan dengan usaha tani yang sesuai yang boleh mendatangkan hasil lumayan di samping membuka peluang pekerjaan. (Utusan Malaysia, 23 Jun, 1983 : 4)

Hasil dari kajian yang dilakukan di kawasan ini, didapati 24% (12 orang) mengatakan tanah bendang mereka terbiar. Menurut seorang pesawah yang ditemui, beliau memberi alasan tiada tenaga kerja untuk mengusahakan tanah bendangnya, memandangkan ia sendiri sudah tidak berdaya mengerjakan tanah tersebut kerana sudah tua dan sering uzur.

Anak-anaknya semua sudah berumahtangga dan menetap di luar kawasan kampung ini kerana bekerja. Mereka hanya sekali-sekala menjenguknya.

Seboleh-bolehnya penanaman padi hendaklah serentak, begitu juga dengan menuai. Ini adalah untuk mengelakkan serangan musuh-musuh padi. Penanaman dan penuaian yang serentak menimbulkan masalah kekurangan tenaga kerja. Keadaan ini sering dialami oleh pesawah-pesawah di sini. Tenaga kerja yang berkurangan menyebabkan permintaan ke atas tenaga buruh melebihi penawaran tenaga kerja. Hal ini akan mengakibatkan kenaikan dalam bayaran upah pekerja. Kenaikan bayaran upah ini membebankan lagi para pesawah yang juga terpaksa menanggung kenaikan kos pengeluaran akibat penanaman dua kali setahun.

Dengan mengerjakan tanah dua kali setahun, penggunaan baja telah meningkat. Ini adalah disebabkan penggunaan tanah bendang yang intensif. Akibatnya kos pengeluaran keseluruhan penanaman padi meningkat. Perbelanjaan bagi membeli racun, baja dan lain-lain dianggarkan berjumlah \$25.00 seekar. Pihak kerajaan menyedari akan peningkatan kos ini, menyebabkan ia berusaha mengatasinya dengan memberikan subsidi kepada pesawah iaitu baja sebanyak 6 kampit bagi seekar tanah bendang (4 kampit baja urea dan 2 kampit baja campuran). Subsidi ini diberikan pada setiap pesawah atau pemilik tanah bendang. Ia bukan diberikan pada pengera tanah bendang tersebut. Pemberian subsidi ini hanya menguntungkan tuan tanah, kerana kerapkali baja yang diterima dijual pada pesawah yang menyewa tanah bendangnya. Disebabkan hal ini berlaku, maka terus wujud ketidaksamaan di kalangan pesawah-pesawah dalam sektor ini, seperti yang

dinyatakan oleh Syed Hamid Al Junid dan Encik Kuperan Viswanathan dalam kertaskerja mereka 'Delimma Dalam Dasar Pembangunan dan Strategi Pertanian di Malaysia'. (Berita Harian, Nov. 3, 1983)

Dengan kenaikan kadar sewa dan kos pengeluaran, akibat penanaman dua kali setahun, maka pesawah amat memerlukan kredit. Bagi pesawah kredit diperlukan di awal masa menanam dan semasa menanam. Lazimnya masa menanam, kredit yang diperlukan adalah lebih banyak. Punca kredit adalah dari kedai-kedai pembekal, sanak-saudara, kedai pajak dan tuan tanah (lihat Jadual 9, mengenai punca-punca pinjaman). Tujuan-tujuan kredit termasuk untuk aktiviti pertanian seperti menanam padi, untuk penggunaan luar aktiviti pertanian seperti membeli barang-barang keperluan harian. Kredit sebahagian besar dibuat semasa mula musim menanam. Bunga yang dikenakan terhadap kredit berbeza-beza. Kedai pajak biasanya mengenakan purata bunga setinggi 25% setahun, pekedai runcit mengenakan 205% bunga setahun dan Syarikat Kerjasama seperti Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) mengenakan purata 10% bunga setahun. Hal di atas memperlihatkan keadaan bunga yang tinggi. Keadaan bunga tinggi yang dikenakan ke atas pesawah, tidak disedari kerana ianya dikenakan dalam bentuk harga barang-barang yang mahal oleh pekedai dan bayaran faedah yang lebih tinggi dari pinjaman yang dibuat. Keterangan di atas memberikan satu gambaran, bagaimana keperluan untuk kredit telah menyebabkan pesawah berada dalam keadaan berhutang kerana seringkali pesawah tidak mampu untuk membayar kembali pinjaman dahulu, sudah membuat hutang baru. Terbit dari keadaan ini, kita lihat bagaimana pesawah tadi sepanjang hidupnya hanya berusaha dengan tulang empat kerat semata-mata untuk menjelaskan hutang dan bunga yang menimbun itu.

Di kawasan kajian didapati sebanyak 42% dari responden yang ditemui membuat pinjaman. 28% dari pinjaman tersebut adalah dari orang tengah atau pekedai-pekedai. (lihat Jadual 9). Ini menunjukkan betapa pentingnya orang tengah dan pekedai-pekedai sebagai sumber mendapatkan kredit. Hal ini mewujudkan pergantungan pesawah pada orang tengah ini. Pergantungan ini memberi jalan pada orang tengah bagi menindas pesawah. Kadang-kadang kredit terbit, kerana kekurangan modal. Ini boleh disebabkan oleh hasil keluaran yang tidak menjadi ditambah dengan beban pembayaran kembali pinjaman-pinjaman yang lalu. Kekurangan modal juga boleh timbul kerana berlaku pembaziran akibat ketidak-rasionalnya pesawah membelanja wang yang dipinjam. Pesawah menggunakan pinjaman untuk membeli barang-barang yang tiada kaitan dengan aktiviti pertanian. Tidak kurang juga meminjam kerana kesempitan hidup disebabkan mereka memang sudah miskin.

Menyentuh tentang pasaran pula, padi yang selesai dibanting, akan dijual atau disimpan untuk kegunaan sendiri. Masalah dan kesukaran pemasaran dipengaruhi oleh beberapa faktor penting. Dalam sistem M-M,<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Sistem monopoli-monopsoni atau sistem M-M, merujuk kepada keadaan pembelian dan penjualan di pasaran yang tidak sempurna. Monopoli wujud dengan adanya pembahagi tunggal kepada barang-barang borongan dan runcit, yang mendapat sokongan dari agensi yang besar dalam bentuk potongan dan kredit yang mudah. Dengan menjadi penjual tunggal mereka dapat mengawal pasaran luar bandar. Pengeluar luar bandar tertakluk melalui hutang dan kredit untuk menjual keluaran mereka kepada peniaga tersebut. Kesannya terdapat pembeli tunggal kepada keluaran mereka yang mengwujudkan sistem monopsoni. Untuk keterangan lanjut mengenai M-M dan bagaimana ia menyebabkan kemiskinan luar bandar, lihat Aziz, U.A., *Poverty and Rural Development in Malaysia*, Kajian Ekonomi Malaysia, Vol.I, Jun 1964.

pemodal dengan cara memberikan kredit kepada pesawah, mewujudkan satu rasa obligasi di pihak pesawah. Pesawah-pesawah terpaksa menjual hasil keluaran kepada orang tengah. Di kawasan kajian, terdapat 50% dari pada responden-responden yang ditemui, menjual hasil keluaran kepada orang tengah. Hasil keluaran ini termasuklah hasil dari tanaman padi, getah dan buah-buahan seperti durian. Responden-responden terpaksa menjual hasil keluaran kepada orang tengah, kerana kredit yang telah diberikan. Di samping itu, orang tengah menyediakan beberapa kemudahan seperti mengangkut hasil keluaran dengan percuma, jadi tidak payah lagi responden mengangkut hasil keluarannya untuk dijual di pusat pasaran di pekan Padang Rengas. Ini menurut responden-responden meringankan beban mereka, kerana kebanyakannya mereka tidak memiliki kenderaan seperti kereta untuk mengangkut hasil-hasil mereka. Hal ini kadangkala dapat mengekal-kan pergantungan pesawah pada orang tengah, dan menyebabkan penindasan terus berlaku. Sistem M-M ini dalam jangka masa pendek, mendatangkan beberapa faedah kepada pesawah, tetapi dalam jangka masa yang panjang, ia menjadi satu tenaga disintegrasi yang mempunyai kecenderungan untuk memburukkan keadaan kemiskinan.

#### 4.4 Luas Tanah bagi Penanaman Getah di Kawasan Kajian

Kawasan kajian mempunyai luas tanah kerajaan dan tanah hak milik yang sesuai untuk tanaman getah seluas 60 ekar. Hasil dari kajian yang dijalankan terhadap 50 responden di kampung ini, luas tanah bagi tanaman getah ialah seperti di dalam Jadual 19.

Jadual 19

Luas Tanah Getah yang dimiliki oleh  
50 Responden di Kampung Paya Lintah

Luas (ekar)	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak memiliki tanah getah	14	28
0 - 1	5	10
1 - 2	9	18
2 - 3	6	12
3 - 4	8	16
4 - 5	2	4
Lebih daripada 5	6	12
Jumlah	50	100

Dari Jadual 19, didapati peratus tanah-tanah getah yang terletak di bawah saiz optima adalah tinggi. Hanya 12% (6 orang) memiliki tanah lebih daripada 5 ekar. Mereka ini pula, tidak mengerjakan semua tanah getah yang dimiliki kerana kekurangan tenaga kerja.

Pada tahun 1952, saiz purata bagi tanah-tanah getah ladang kecil ialah 4.11 ekar, iaitu 3.42 ekar bagi saiz purata 'peasant holdings' yang kurang daripada 25 ekar, dan 43.32 ekar bagi saiz purata pemilikan sederhana antara 25 hingga 100 ekar. Pada tahun tersebut,

keluasan tanah-tanah getah ladang kecil ialah 1,616,093 ekar (Jackson, 1965 : 247-261). Jika dibandingkan dengan saiz purata bagi tanah-tanah bendang, didapati bahawa saiz purata tanah-tanah getah adalah besar. Saiz purata bagi tanah-tanah getah ladang kecil adalah 6.3 ekar. (lihat Jadual 20).

Jadual 20

Saiz Purata Bagi Ladang-Ladang dihubungkan  
Dengan Cara-milik dan Jenis Ladang (ekar)

Cara-milik	Getah	Padi basah	Buah-buahan Kampung
Pemilik	6.17	2.15	1.17
Tanah lesen	7.23	3.05	0.99
Penyewa	-	2.80	0.63
Cara-milik perseorangan yang lain	6.05	1.81	0.94
Pemilik-penyewa	4.91	3.23	0.85
Lain-lain cara-milik campuran	7.07	2.73	1.32
Semua jenis	6.30	2.52	1.13

Sumber: Hill, R.D., "Agricultural Land Tenure in West Malaysia", Malayan Economic Review, Vol. 12, No.1.

Jadual 21

Pola Cara-milik Tanah Getah Bagi 50 Responden di Kampung Paya Lintah

Kategori	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak terlibat dalam tanaman getah	7	14
Pemilik (tidak usahakan tanah getah)	15	30
Pemilik (sewakan tanah pada orang lain)	6	12
pemilik-pengerja	16	32
Penyewa	6	12
Jumlah	50	100

Dari segi cara-milik pula, Jadual 21 menunjukkan bahawa 32%

(16 orang) di bawah kategori pemilik-pengerja, 12% (6 orang) menyewa dan 30% (15 orang) yang memiliki tanah tetapi tidak diusahakan. Berbeza dengan tanah bendang di mana tanah-tanah sewaan adalah tinggi, bagi tanaman getah, keadaan ini tidak wujud, atau setakat wujud dalam peratus yang kecil. Dari Jadual 21, hanya terdapat 12% penyewa, berbanding dengan tanah bendang, 22% penyewa. Sewaan berlaku dalam peratus yang kecil dalam tanah getah kerana 'share-tapping', yang berlaku dengan meluas adalah satu bentuk 'share-cropping' dan bukannya satu bentuk sewaan kerana melalui 'share-tapping' penggerja getah hanya berkongsi menoreh getah dan bukannya berkongsi menggunakan tanah. Dengan cara ini

dapat dibezakan pengera yang berkongsi mengerjakan tanah dan memberi sebahagian hasil kepada tuan tanah, dan penyewa tanah yang benar-benar menyewa tanah untuk penanaman getah. (Hill, R.D. Ibid: 102)

Kemiskinan yang dialami oleh pekebun kecil, adalah disebabkan mereka memiliki tanah yang sempit. Di negara kita terdapat 400,000 bidang kebun kecil, dari jumlah itu kira-kira 80% adalah terdiri dari kebun yang luasnya kurang 10 ekar. Kebanyakan keluasan kebun yang dipunyaikan oleh kaum bumiputera ialah di antara 2-4 ekar sahaja. (Rancangan Malaysia Kedua (RMK), 1971 : 191). Hal ini juga terdapat di kawasan kajian, di mana responden-responden memiliki tanah getah seluas 1-4 ekar.

Di samping itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka juga telah menyebabkan berlakunya kemiskinan di kalangan penoreh. Di antara masalah-masalah yang dihadapi ialah modal, pemasaran, pengetahuan dan juga pengalaman, serta penindasan oleh golongan tertentu. Disebabkan kekurangan modal, penoreh tidak menggunakan baja, racun dan tidak menjaga kebun mereka dengan baik. Ini mengakibatkan pengeluaran getah mereka berkurangan. Kita dapati pengeluaran seekar kebun kecil adalah kurang berbanding dengan pengeluaran seekar oleh ladang. Kadar pengeluaran kebun kecil bagi seekar ialah purata 670 lb, manakala ladang pula ialah 1,020 lb. (RMK, 1971 : 193). Dengan ini pendapatan yang diterima oleh pengusaha kebun kecil adalah juga kurang.

Keadaan kemiskinan ini bertambah lagi dengan adanya masalah pemasaran yang sering mereka hadapi. Masalah ini semakin besar kepada pekebun-pekebun yang tinggal di kawasan pendalamam. Oleh kerana tiada

pengangkutan maka mereka terpaksa menjual hasil keluaran kepada orang-orang tengah.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh penoreh getah, ialah keadaan iklim yang berubah-ubah. Pada musim kemarau, daun getah gugur dan keadaan susu getah pekat dan melekat, menyebabkan hasil yang sedikit. Kekurangan susu getah bererti pendapatan mereka juga berkurangan, kerana pendapatan mereka bergantung pada jumlah berat hasil getah yang diperolehi. Pada musim hujan pula, iaitu antara bulan Februari dan April, kerja-kerja menoreh tidak dapat dijalankan. Ini juga akan mempengaruhi pendapatan penoreh.

Sebagai rumusan, dapatlah dikatakan bahawa semua faktor atau masalah yang dikemukakan menggambarkan kedudukan 'underdog kaum petani'. Mereka sentiasa dieksplot, dan terkongkong dalam 'putaran ganas'.

#### 4.5 Revolusi Hijau

Revolusi Hijau adalah kempen untuk memodenkan pertanian. Ianya adalah satu pembaharuan dalam teknologi untuk meningkatkan daya pengeluaran dan untuk membasmi kebuluran di dunia.

Frances Moore Lappe dan Joseph Collins dalam Food First, menegaskan bahawa,

"The increasing production has actually compounded the problem of hunger. They found that increasing agriculture production do not help to increase the living

of the poor peasants, but consolidates the positions of the landowners and foreign controlled plantations". (1978 : 142)

Pengenalan penggunaan baka benih baru hanya menguntungkan kelas petani mewah. Dengan penggunaan baka benih baru, hasil keluaran dapat ditingkatkan dan masa yang terlibat dalam aktiviti pertanian dapat disingkatkan. Juga dengan peningkatan hasil keluaran, dapat merendahkan harga hasil. Dikatakan ini hanya menguntungkan petani mewah, kerana petani miskin di samping menjadi pengguna, mereka juga adalah pengeluar yang bergantung hidup pada penjualan hasil keluaran. Jadi dengan penurunan harga hasil kemuaran, petani itu berada dalam keadaan yang lebih buruk seperti yang dinyatakan oleh Lappe iaitu:

".... the drive to increase food production has made even worse the lives of the poor farmers, despite per-capita production increase. The net result? Hunger tightens its hold on the rural majority". (1978 : 145)

Di Malaysia, Revolusi Hijau dilancarkan dalam tahun 1977 bagi memodenkan sektor pertaniannya. Tujuan ini ialah untuk meningkatkan pengeluaran supaya pendapatan petani bertambah, dengan itu membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar. Kerajaan dalam usahanya meningkatkan pengeluaran padi, getah, kelapa sawit dan pengeluaran perikanan, telah memperkenalkan penggunaan baja-baja kimia, racun-racun serangga, jentera-jentera moden dan beberapa teknologi baru yang lain. Usaha ini tidak memberi faedah pada kebanyakan petani di negara ini. Ini adalah kerana kebanyakan petani mempunyai keluasan tanah yang kecil atau tidak memiliki

tanah. Jadi berapa banyak pun pembaharuan yang diperkenalkan kepada petani, tanpa memiliki tanah mereka tetap berada di bawah kuasa tuan tanah.

Juga disebabkan petani bergantung hidup pada pertanian, mereka tidak mempunyai pilihan lain, kecuali tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Hanya golongan muda yang berani ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Revolusi Hijau ini tidak menaikkan taraf hidup petani, tetapi sebaliknya meluaskan jurang antara yang kaya dan miskin di luar bandar. Revolusi Hijau mengukuhkan lagi kedudukan golongan Melayu kaya dan tuan-tuan tanah yang berbangsa Cina. Contohnya, kerajaan memperkenalkan baka benih baru yang membolehkan penanaman padi tiga kali setahun. Tetapi dengan peningkatan penanaman padi, mengakibatkan kenaikan dalam sewaan sebanyak 3 kali ganda. Petani juga terpaksa membeli lebih banyak baja kimia akibat penggunaan tanah yang intensif, juga melibatkan masa bekerja yang lebih dan apabila dinilai hasil keluaran dengan kos perbelanjaan pertanian, pendapatan purata yang diperolehi adalah lebih kurang sama atau kurang daripada pendapatan yang diperolehi pada tahun-tahun lepas. Kerajaan juga telah menuahkan Bank Pertanian Malaysia untuk menolong petani-petani. Cawangan-cawangan Bank ini dibuka di kawasan-kawasan luar bandar bagi memudahkan petani-petani. Petani-petani kerap kali keberatan untuk menyimpan dan membuat pinjaman dari Bank tersebut. Ada beberapa sebab mengapa ini berlaku. Pertamanya, petani hanya mempunyai wang cukup untuk makan, jadi bagaimana hendak menyimpan. Keduanya, untuk meminjam dari Bank, seseorang itu perlulah ada cagaran atau penjamin, baru pihak Bank akan meluluskan permohonan pinjaman. Petani sudah tentu

tiada apa yang boleh ditawarkan kecuali tenaga mereka. Petani juga kurang arif tentang aturcara pinjaman, mereka tidak tahu mengisi borang-borang permohonan dan kerap kali merasa gementar untuk menghadapi temuduga. Kalau mereka meminjam dari orang tengah, perkara-perkara tadi tidak timbul, malah mereka lebih senang memperolehi wang dengan segera. Apa yang tidak disedari oleh petani ialah mereka akan terus terperangkap dengan kredit dari orang tengah dan akhirnya berada di kuasa tuan tanah.

Kesimpulannya, hasil dari pengenalan Revolusi Hijau di kalangan petani, keadaan-keadaan berikut telah wujud:-

- a. Harga tanah meningkat, petani terpaksa membayar lebih dan kerap kali petani diturunkan status dari tuan tanah (walaupun keluasannya kecil) pada petani yang tidak bertanah;
- b. Sewa Meningkat;
- c. Kawalan-kawalan tanah pertanian tertumpu pada golongan bukan petani;
- d. Petani terperangkap dengan hutang-piutang;
- e. Kemiskinan dan ketidaksamaan bertambah meningkat.

## BAB V

### PEMBASMIAN KEMISKINAN

Bab ini akan membincarakan usaha dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh petani, dengan itu dapat mengurangkan kemiskinan di kalangan petani.

Menurut kerajaan, fokus polisi dan rancangan pembangunan adalah tertumpu pada pertumbuhan dalam bidang pertanian, perlombongan dan perdagangan. Di bawah rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB), strategi membasmi kemiskinan memberi peluang pada golongan miskin turut sama menikmati pertumbuhan ekonomi negara. Tujuan ini akan dicapai melalui rancangan-rancangan yang boleh meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan, juga menambahkan peluang-peluang untuk menukar lapangan kegiatan yang rendah daya pengeluarannya kepada yang tinggi serta mengadakan berbagai-bagai perkhidmatan sosial.

Menurut Rancangan Malaysia Kedua (RMK), objektif pertamanya ditujukan:

".... bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi, dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan pada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum....". (RMK, 1971 : 1)

Berkaitan dengan usaha meningkatkan pendapatan, RMK ada menyatakan dua cara bagaimana ia harus dilaksanakan, iaitu melalui penggunaan teknologi moden dan kemudahan-kemudahan lain dan juga

melalui penukaran lapangan kegiatan. Golongan yang menjadi sasaran langkah ini ialah:

".... mereka yang terlibat dalam kegiatan yang daya pengeluarannya rendah....".  
(RMK, 1971 : 5)

Ada beberapa andaian dalam RMK yang dikatakan sebagai sebab-sebab yang mengakibatkan pendapatan petani rendah, iaitu:

".... tanah-tanah yang tidak ekonomik dan yang tidak sesuai bagi tanaman serta penggunaan cara-cara pertanian tradisional dan kekurangan alat-alat pertanian moden....".  
(Kajian Semula, RMK, 1973 : 6)

Jadi rata-rata diandaikan petani menjadi miskin berdasarkan faktor-faktor tidak menggunakan teknologi moden dan pemilikan tanah tidak ekonomik.

Tanah adalah isu pokok dalam bidang pertanian. Di masa-masa lalu percubaan-percubaan untuk meningkatkan paras pendapatan petani tertumpu kepada penerokaan-penerokaan tanah baru. Ini menelan belanja yang banyak serta wujud tekanan yang semakin besar yang berpunca daripada semakin berkurangnya tanah yang sesuai untuk diteroka. Perangkaan Kementerian Pertanian menunjukkan setakat lima tahun lepas, keluasan tanah terbiar melewati jumlah menyeluruh tanah yang diteroka oleh bergai agensi kerajaan meliputi tempoh sepanjang sepuluh tahun lepas. Di sini wujud keadaan paradox, di mana rata-rata dikatakan petani tidak cukup tanah, tetapi terdapat keluasan tanah terbiar melebihi jumlah tanah yang diteroka. Sejumlah besar tanah yang terbiar adalah disebab-

kan oleh undang-undang yang berkaitan dengan pewarisan tanah-tanah yang kadangkala mengakibatkan pemecahan tanah sehingga tanah-tanah tersebut menjadi tidak ekonomik untuk dikerjakan. Satu kajian di kawasan MUDA contohnya telah menunjukkan kemerosotan dari segi keluasan tanah dalam jangkamasa 20 tahun (1955 hingga 1975). Kajian pada masa yang sama, menunjukkan peningkatan pemilikan tanah yang jatuh ke dalam bilangan pemilik yang lebih kecil.

Dasar kerajaan dalam program pemulihan tanah terbiasa ialah memberikan keutamaan kepada tanah-tanah yang dapat dipulihkan secara ekonomik samada disebabkan adanya minat tuan-tuan tanah atau adanya sumber-sumber pembangunan yang diperlukan. Usaha pemulihan ditumpukan ke atas kawasan yang ada potensi pasti jaya, termasuk pertanian, perikanan dan ternakan. Kaedah-kaedah yang diikuti ialah meneruskan penanaman padi dua musim setahun untuk tanah sawah yang ada potensi untuk itu. Tanah sawah yang tidak boleh ditanam padi dua kali setahun atau tidak lagi sesuai dengan padi akan diubah corak penanamannya kepada kontan atau tanaman kekal yang sesuai. Sekiranya tuan tanah terus mahukan tanaman padi walaupun sekali setahun, maka tanaman padi akan diteruskan tetapi di luar musim tanah-tanah ini akan ditanam dengan tanaman jangka pendek untuk menambah pendapatan mereka.

Pemulihan dengan tanaman getah dan kelapa sawit dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Tanah menerusi agensi-agensinya seperti FELCRA dan RISDA. Keutamaan pemulihan ditumpukan ke kawasan-kawasan mundur. Untuk mempercepatkan tindakan pemulihan, kawasan-kawasan paling kurang

masalahnya akan didahulukan pemulihannya dan diikuti oleh kawasan-kawasan yang lebih bermasalah. Ini bertujuan mengelakkan tanah-tanah terbiar ini terbiar lebih lama lagi.

Bagi alasan kekurangan tenaga kerja kaedah yang digunakan bagi mengatasinya ialah dengan menggunakan jentera serta teknik tabur terus dalam proses penanaman padi, tidak mengikut teknik mencedung seperti yang diamalkan secara tradisi. Masalah yang timbul ialah teknik tabur terus ini memerlukan kos yang lebih tinggi kerana beberapa peringkat harus dilaksanakan terlebih dahulu sebelum ianya dapat dilakukan, contoh peringkat meratakan tanah. Teknik tabur terus juga membenarkan peningkatan kadar kehidupan pokok padi serta hasil padi berbanding dengan cara tradisional.

Dalam setengah-tengah keadaan didapati kekurangan tenaga kerja bukan menjadi masalah. Yang menjadi masalahnya ialah pengurusan tenaga kerja yang tidak cekap. Program pemulihan tanah sawah yang terbiar oleh Kementerian Pertanian mengiktiraf pengurusan sebagai salah satu dari dua masalah utama. Modal merupakan masalah lain. Berhubung dengan pengurusan, Kementerian menyediakan tiga model pengurusan yang sesuai mengikut keperluan setempat dan keadaan kawasan. Model-model itu adalah seperti berikut:-

a. Perladangan Secara Individu

Model ini dilaksanakan di mana peserta-peserta projek meng-usahakan tanah mereka sendiri dan jika berkemampuan boleh menyewa tanah-tanah yang tidak diusahaikan oleh tuan punya.

Bantuan diberikan kepada seseorang petani mengikut kelayakan masing-masing. Seseorang peserta didaftarkan dan pihak berkuasa menentukan luas tanah yang dikerjakan.

b. Perladangan Secara Berkelompok

Projek pemulihan dipelopori oleh satu badan khusus seperti Pertubuhan Peladang Kawasan atau kumpulan peladang. Kumpulan ini bertindak sebagai unit pengurusan di peringkat projek. Tanah disewa dari tuan punya dan dikelompokkan di bawah satu unit yang diusahakan bersama. Perbelanjaan pemulihan, selain dari bantuan kerajaan, ditanggung oleh badan atau kumpulan itu dan segala faedah yang diperolehi adalah untuk badan pengurus atau kumpulan yang mengendalikan projek. Tenaga kerja diambil secara upah.

c. Perladangan Secara Syarikat ataupun 'Agenzi Pengurusan'

Projek pemulihan diuruskan dan dilaksanakan mengikut kaedah pengurusan estet di mana pengusaha akan menanggung risiko dan kos pembangunan dan perlaksanaan. Syarikat lebih merupakan pemegang amanah. Model ini sesuai digunakan di mana situasi kekurangan tenaga kian meruncing akibat tarikan sektor perkilangan. Model ini memberikan dua jenis keuntungan kepada petani. Selain dari menerima upah mengerjakan sawah, petani juga menerima sewa sawah. Model ketiga ini juga membantu memecahkan sedikit masalah milik tanah.

Dengan adanya model-model ini, kerajaan yakin petani-petani dapat memperbaiki keadaan hidup mereka, justeru itu membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar, khususnya kemiskinan orang-orang Melayu.

Kerajaan dicadangkan supaya melaksanakan mini estet di kawasan tanah sawah terbiar bagi memulihkan daya pengeluaran tanah itu serta mengatasi penghijrah lebih ramai anak muda ke bandar. Melalui sistem ini, pengurusan pengeluaran dan pemasaran akan diserahkan kepada kerajaan atau swasta dan para petani, khususnya golongan muda diambil bekerja di estet itu dan diberikan upah. Jika ini dilaksanakan, diharapkan dalam jangka masa panjang, ia akan menarik minat kaum muda untuk menyertai projek ini dan seterusnya menahan mereka dari berhijrah ke bandar. Selain diwujudkan sistem mini estet, sistem pendidikan yang ada sekarang haruslah dapat menyakinkan kaum belia bahawa pekerjaan pertanian adalah satu kegiatan ekonomi yang menguntungkan jika dikendalikan sebagai satu entiti perniagaan.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh petani seperti masalah pemilikan tanah, cara-milik, kredit dan pemasaran, menyarankan keperluan kepada reformasi tanah dan reformasi institusi-institusi pertanian. Reformasi tanah ialah rombakan undang-undang yang berkaitan dengan hak milik, penguasaan serta pengerajan tanah. Ia biasanya dilakukan dengan kerajaan merampas tanah daripada tuan-tuan tanah yang kaya. Tuan punya diberikan pampasan. Tanah-tanah yang diambil-alih dipecahkan kepada lot-lot kecil untuk dikerjakan oleh unit famili kecil atau diusahakan secara kolektif. Dengan merombak struktur dan penguasaan ke atas tanah,

ia merupakan langkah pertama dalam usaha menyelesaikan masalah kemiskinan dan ketidakadilan dalam agihan hasil. Rombakan struktur ini hendaklah disertai dengan rombakan struktur masyarakat. Dengan merombak hubungan petani dengan tanah, memberikan hak milik, penguasaan dan penggerjakan kepada petani, maka adalah diharapkan pemerasan petani oleh tuan tanah dapat diselesaikan.

Dari segi teorinya adalah mudah untuk membuat penyesuaian dan rombakan. Tetapi dari segi implementasinya, berbagai masalah akan timbul. Untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan petani, tanah yang dibahagi-bahagikan mestilah diusahakan dengan intensif supaya dapat mengecap faedah maksimum darinya. Dalam keadaan ini, 'support system' iaitu faktor-faktor modal, teknik pengeluaran, pemasaran dan prasarana memainkan peranan penting. Tanpa 'support system' ini, petani bukan saja susah berhubung dengan dunia luar tetapi lebih-lebih lagi mereka akan ditindas oleh orang tengah (pemborong atau pengangkutan barang hasil).<sup>1</sup>

Dari perbincangan di atas soal pokok yang penting di sini ialah memberikan faedah maksimum kepada petani, justeru itu peratus

<sup>1</sup> Keadaan susah berhubung dengan dunia luar menggalakkan timbulnya situasi yang dikatakan 'monopsoni' di mana pekedai misalnya membeli hasil dari-pada petani dan menjual barang keperluan kepada petani. Dalam kedua-dua fungsi, pekedai boleh memeras petani, dengan cara membeli hasil dengan harga paling rendah dan menjual barang keperluan dengan harga paling tinggi. Tetapi petani tiada pilihan lain, sepatah kata Melayu, pekedai itu "Menahan jerat di tempat genting". Sila lihat Ungku Aziz, "Poverty and Rural Development" dalam Kajian Ekonomi, Universiti Malaya, Vol. 1, No.1, Kuala Lumpur, 1964.

kemiskinan dan pengangguran boleh dikurangkan serta keadilan dapat diwujudkan. Soal samada petani mempunyai hak milik atau tidak atas tanah yang dikerjakan tidak begitu penting, harus juga kita perhatikan bagaimana faktor-faktor lain boleh menjayakan satu-satu reformasi tanah itu. Faktor seperti undang-undang, prasarana, kemudahan modal dan bantuan, nasihat dan latihan, teknik pengeluaran yang sesuai dan sistem pengangkutan serta saluran pemasaran yang baik mestilah diberi pertimbangan. Perkara-perkara ini sebagai support system adalah lebih penting daripada soal hak milik.

Ada satu lagi jenis usaha yang dikaitkan dengan aspek sosial iaitu yang bertujuan untuk mengubah nilai, sikap dan pandangan orang-orang kampung khususnya, supaya mereka meninggalkan ciri-ciri yang negatif dan bersedia menerima ciri-ciri positif yang lebih sesuai untuk perubahan menuju kepada pembangunan. Rancangan seperti 'revolusi mental' dahulu dan mengubah etika kerja sekarang adalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai matlamat pembangunan.

Masyarakat luar bandar di negara ini, seperti yang diterangkan lebih awal, sudah mula memperlihatkan struktur ketidaksamaan berdasarkan sistem susuniapisnya sendiri. Kita dapati bahawa dalam sistem ini golongan atasan-berada memiliki tanah serta mempunyai kedudukan yang tinggi. Golongan bawahan tidak berada pula tidak banyak memiliki sumber ekonomi. Proses pemodenan atau pembangunan melalui pembahagian tanah, subsidi, baja dan teknologi kadang-kadang melebarkan lagi jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi di kalangan masyarakat luar bandar. Dengan ini

sistem susunlapis dan ketidaksamaan boleh melanjutkan punca kemiskinan. Jadi dalam usaha-usaha pembangunan dan pembasmian kemiskinan adalah penting, tetapi sasarannya perlulah tepat dan mengena agar tercapai matlamat untuk menghapuskan kemiskinan di sektor pertanian.

Kemudahan-kemudahan dan langkah-langkah yang dibincangkan di atas diharapkan efisien dan daya pengeluaran petani-petani dapat ditingkatkan. Dijangkakan dengan langkah-langkah dan perlaksanaan usaha yang termaktub dalam RKM berserta dengan program-program yang dirancangkan, maka kemiskinan kaum tani akan dapat dikurangkan dan seterusnya dibasmi. Dan itulah pun tujuan asas RMK.

## BAB VI

### KESIMPULAN

Ingin pertama-tamanya dijelaskan bahawa bukan tujuan kajian ini untuk membincangkan dan mengukur setakat mana darjah kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar, khususnya golongan petani. Persoalan seperti ini sudah pasti memerlukan satu kajian yang khusus terperinci dan teliti, juga ia memakan masa yang panjang. Apa yang ingin dibentangkan dan dihuraikan ialah beberapa masalah yang dihadapi oleh petani-petani seperti sewa tanah yang tinggi, kos pengeluaran meningkat, sistem pemasaran dan kredit yang kurang memuaskan, saiz tanah yang tidak ekonomik, kaedah pengeluaran tradisional, kekurangan tenaga kerja dan tanah yang terbiar. Masalah-masalah seperti ini menjadi penghalang yang menyebabkan daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah. Daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah menyebabkan kadar kemiskinan tinggi di kalangan petani.

Perlu juga ditegaskan bahawa tidak ada satu definisi kemiskinan yang sejagat yang digunakan oleh semua negara pada setiap waktu. Kemiskinan perlu ditakrifkan dalam kontek tahap pembangunan sesuatu negara serta mengikut norma yang ada. Oleh yang demikian, kemiskinan yang wujud di kalangan petani di negara ini bukanlah kemiskinan yang mutlak di mana terdapat keadaan kebuluran dan kekurangan makanan yang berterusan seperti yang terdapat di beberapa negara-negara yang sedang membangun. Dalam hal ini, perhatian kerajaan lebih tertumpu kepada

kemiskinan relatif di mana tingkat pendapatan di kalangan sebahagian besar penduduk luar bandar, khusus petani adalah rendah jika dibandingkan dengan tingkat pendapatan kawasan bandar.


Daripada perangkaan-perangkaan yang dapat dikutip sepanjang sepuluh tahun (1970 hingga 1980) yang lalu, insiden kemiskinan, pada keseluruhannya telah berkurangan daripada 49.3% pada 1970 menjadi 29.2% pada 1980 (FMP, 1981: 32-33). Insiden yang berlaku di kawasan luar bandar berkurangan daripada 58.7% pada tahun 1970 menjadi 37.7% pada tahun 1980; manakala di bandar insiden kemiskinan berkurangan daripada 21.3% pada tahun 1970 menjadi 12.6% pada tahun 1980. Kalau demikian aliran yang akan terus tercapai, maka ada tanda baik bahawa penduduk Malaysia akan tidak lagi hidup dalam kemiskinan dalam tempoh yang singkat, mungkin sebelum 1990! Apakah kaedah yang digunakan oleh kerajaan Malaysia bagi mengukur gejala kemiskinan itu sehingga insiden kemiskinan telah dapat dikurangkan dengan sedemikian hebat dalam tempoh sepuluh tahun sahaja. Tidak ada siapa yang dapat menjawab soalan ini dengan terus terang.

Membincangkan masalah kemiskinan luar bandar, adalah mempersoalkan faktor yang kait-mengait. Selain dari faktor ekonomi, ada pihak yang menerangkan bahawa berlakunya daya pengeluaran yang rendah serta kemiskinan adalah disebabkan faktor-faktor sahsiah. Misalnya disebutkan bahawa di kalangan setengah-tengah golongan, termasuk petani Melayu terdapat sifar-sifat negatif seperti bergantung kepada nasib, malas, boros dan berpuas dengan rezeki yang ada yang menyebabkan mereka

tidak mahu bekerja lebih kuat untuk meningkatkan daya pengeluaran. Sifat-sifat ini dikaitkan dengan kebudayaan (kebudayaan kemiskinan) dan kadangkala dihubungkan pula dengan nilai-nilai agama yang dikatakan membuat orang miskin bersyukur dengan rezeki yang ada. Menganggap bahawa semua petani yang miskin adalah malas dan boros adalah salah. Sebenarnya ada yang rajin bekerja dari pagi hingga malam dan terpaksa berjimat sebab jikalau tidak berbuat demikian mereka sekeluarga tidak akan boleh hidup; tetapi mereka tetap berpendapatan rendah juga.

Beberapa kajian yang telah dibuat berkenaan dengan perkara ini dan dakwaan bahawa Islam satu sebab utama kemunduran orang Melayu di bidang ekonomi adalah tidak berasas dan hal ini dapat disangkal. (Sila rujuk Moha. Fauzi Yaakub, "Kemunduran Ekonomi Masyarakat Melayu, Satu Tinjauan Sosio-Budaya", dalam Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Moden, ed. Dr. Zainal Kling, 1977). Orang Melayu tidak malas sebaliknya mereka rajin berusaha. Mereka bekerja tiap-tiap hari. Disebabkan hasil yang mereka dapat sedikit berdasarkan bidang tanah yang terhad dan mereka terlibat dalam berbagai corak 'land tenure', sudah tentulah tidak ada apa-apa harta yang dapat mereka kumpulkan. Hampir seluruh pendapatan yang diperolehi diguna untuk keperluan harian. Jadi orang melihat orang Melayu malas dari segi tidak ada harta yang dikumpulkan bukan dari segi gunatenaga yang mereka keluarkan.

Sememangnya wujud putaran ganas kemiskinan dalam masyarakat Melayu di luar bandar, yang boleh dianalisa mengikut rajah di bawah.



Satu faktor wujud disebabkan oleh satu faktor atau lebih faktor-faktor lain. Seterusnya ini menyebabkan lain-lain faktor yang sedia ada berubah dalam pusingan atau bulatan yang lengkap atau 'circular causation'.

Dalam penyelidikan Wan Abdul Kadir, di Kampung Kedai Buluh dan Kampung Dal menunjukkan persamaan paras pendapatan yang rendah, dan sebahagian besar daripada pendapatan tersebut digunakan untuk membeli keperluan asas dan tidak ada lebihan yang banyak untuk penanaman modal. Disebabkan petani-petani tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap, maka kadang-kadang mereka terpaksa berhutang apabila ada kecemasan

seperti kematian, sakit, kenduri-kendara dan sebagainya. Namun demikian, mereka tidaklah sampai hendak menjual tanah untuk mendapatkan wang.

Seperti kata Syed Husin Ali dalam bukunya, Apa Erti Pembangunan,

"Adalah sangat silap jika disangkakan bahawa petani-petani dibelenggui oleh hutang dan terpaksa bergadai dan menjual tanahnya semata-mata kerana sering berbelanja lebih dari yang mereka mampu".  
(1976 : 27)

Seterusnya, antara faktor-faktor ekonomi yang dianggap menyebabkan kerendahan daya pengeluaran ialah kekurangan atau ketiadaan beberapa jenis punca pengeluaran seperti tanah, modal dan teknologi. Dari pengeluaran yang rendah, akibatnya petani-petani Melayu di luar bandar mendapat pendapatan yang rendah. Lebih kurang 8% daripada keluarga di kawasan kajian berpendapatan kurang dari \$100 sebulan, sementara 56% berpendapatan di antara \$100 hingga \$200 sebulan. Sejumlah besar pendapatan yang rendah itu digunakan untuk membeli bahan makanan. Ini bersesuaian dengan Teori Kecenderungan Sut Pengguna yang menerangkan bahawa di kalangan keluarga yang berpendapatan rendah, sebahagian besar dari perbelanjaan adalah untuk bahan makanan. Dalam kajian Syed Husin Ali di Kangkong (Kedah), Kerdau (Pahang) dan Bagan (Johor), pendapatan purata bagi ketiga-tiga komuniti menunjukkan bahawa 72.5% berpendapatan kurang dari \$120 sebulan dan 38.9% kurang daripada \$60 bagi tiap-tiap bulan. (1976: 34). Ini menunjukkan pendapatan petani-petani pada umumnya rendah samada mereka bergantung pada tanaman padi seperti dalam kajian Wilson, T.B. (1958), pada penangkapan ikan, Raymond Firth (1966) dan juga dalam perusahaan lain. Jadi kebanyakan petani Melayu, di-

sebabkan pendapatan mereka rendah, mereka tidak dapat menyimpan, seterusnya tidak membuat pelaburan. Apabila pelaburan kurang, putaran ganas kemiskinan mengongkong kehidupan petani di luar bandar.

Sebenarnya hubungan dulu kemudian antara faktor-faktor yang menjadi punca kemiskinan, daya pengeluaran yang rendah dan kekurangan tanah/modal/teknologi itu adalah sama seperti hubungan antara ayam dan telur. Mana yang dulu dan mana yang kemudian? Adakah misalnya kerana kekurangan tanah atau modal maka pengeluaran menjadi rendah hingga menyebabkan kemiskinan? Atau kerana kemiskinan maka tidak mungkin menyimpan untuk dijadikan modal membeli tanah ataupun teknologi sehingga mengakibatkan daya pengeluaran rendah dan tidak dapat ditingkatkan. Soalan-soalan seperti ini sebenarnya tidak menjawab soalan mengapa kemiskinan sebaliknya ia menerangkan bagaimana apabila kemiskinan wujud, ia akan berterusan (berkekalan). Seperti yang dinyatakan oleh United State Council of Economic Advisors (1964),

"The vicious cycle, in which poverty breeds, occurs through time, and transmit its effects from one generation to another. There is no beginning to the cycle, no end".

Putaran ganas kemiskinan boleh dipecahkan. Ini boleh dilakukan melalui satu faktor, iaitu 'Circular Cumulative Causation' (Dalton, 1971) di mana dalam teori ini, satu unsur yang berubah bukan dalam satu bulatan yang lengkap tetapi berubah-ubah dengan cara bertimbun-tambah ke atas. Jika orang Melayu mempunyai modal yang cukup, mereka boleh melabur. Dari pelaburan mereka boleh memperolehi pengeluaran yang

tinggi dan akhirnya kemiskinan orang Melayu akan dapat dikurangkan.

Telah dibincangkan bahawa antara punca-punca yang boleh menyebabkan kemiskinan meliputi berbagai aspek samada dari aspek ekonomi atau sosial. Antara punca-punca kemiskinan ialah daya pengeluaran yang rendah, sistem sewaan yang tinggi, sistem pemasaran dan kredit yang kurang memuaskan, pemecahan milik tanah dan sebagainya. Disebabkan semua punca-punca yang mengakibatkan kemiskinan adalah menekan kehidupan para petani, maka kerajaan mengambil beberapa langkah untuk memberi peluang yang lebih bagi petani mendapatkan bantuan-bantuan seperti tanah, modal, teknologi, subsidi dan lain-lain. Selaras dengan ini maka antara rancangan ekonomi yang diutamakan ialah rancangan tanah di bawah badan seperti FELDA, rancangan parit dan talair untuk memudahkan tanaman dua kali dan rancangan bantuan wang atau subsidi, benih, baja, pengetahuan dan teknik untuk tanaman baru atau tanaman semula. Memang diakui bahawa semua rancangan ini mendatangkan faedah, tetapi sasarannya kadangkala kurang tepat. Masyarakat luar bandar di negeri ini, seperti yang telah diterangkan, sudah mula memperlihatkan struktur ketidaksamaan berdasarkan sistem susunlapis. Kita dapati bahawa dalam sistem ini golongan bawahan berada memiliki tanah, kedai dan ramai mempunyai kedudukan berpengaruh dari segi politik.

Golongan bawahan tidak berada pula tidak banyak memiliki sumber ekonomi. Proses bantuan melalui pembahagian tanah, subsidi, baja dan teknologi kadangkala lebih mudah diperolehi oleh golongan bawahan berada oleh sebab kedudukan sosial mereka yang lebih istimewa

itu. Dengan demikian proses bantuan itu boleh menambah-lebarkan lagi jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi di kalangan masyarakat luar bandar.

Hasil dari penyelidikan yang dijalankan di kawasan kajian, didapati sebilangan petani tidak mendapat bantuan subsidi seperti sepatutnya. Ini berpunca daripada beberapa dasar pertanian yang ber-canggah, terutama mengenai dasar berdikari dan menghapuskan kemiskinan di kalangan penanam-penanam padi. Beberapa bentuk subsidi yang diberikan pada umumnya memberi keuntungan kepada tuan tanah dan bukan kepada penggerja tanah itu. Jadi penggerja kerapkali terpaksa membeli baja dan lain-lain keperluan dalam proses penanaman padi, pada hal semua keperluannya boleh didapati daripada kerajaan melalui bantuan-bantuan subsidi. Terjadi juga bantuan subsidi diberikan pada petani-petani yang mampu. Mereka-mereka ini selalu menjual semula bantuan subsidi yang diperolehi kepada pekedai-pekedai atau orang tengah. Ini menyebabkan terus wujud ketidaksamaan di kalangan petani-petani. Penyelewengan yang berlaku dalam pemberian subsidi adalah merupakan masalah-masalah birokrasi dan 'communication gap'. Ini timbul kerana pegawai-pegawai pertanian jarang meluangkan masa untuk meninjau keadaan petani-petani. Lawatan yang dilakukan hanya setakat bertemu dengan Ketua Kampung, tanpa membuat tinjauan sendiri, mengenai masalah petani dan golongan petani mana yang memerlukan bantuan. Segala bantuan disalurkan kepada ketua kampung untuk diagihkan. Kadangkala petani tidak tahu berkenaan dengan cara-cara mendapatkan bantuan subsidi atau tidak tahu bahawa adanya subsidi. Timbul juga keadaan di mana setelah membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan subsidi, ia tidak diluluskan walaupun pada hakikatnya mereka layak mendapatkannya.

Memandangkan kepada perkara ini, kerajaan perlu mengkaji semula dasar-dasar yang berhubung dengan langkah untuk berdikari dan menghapuskan kemiskinan terutama sekali bila hendak membahagikan subsidi.

Selalu dilaungkan supaya petani-petani di luar bandar mengadakan perubahan dalam teknologi, pemberian kredit di samping perubahan dalam sikap terhadap perubahan. Soalnya sekarang, jika 12% petani-petani di kawasan kajian tidak bertanah dan 42% pula mempunyai keluasan tanah kecil yang tidak ekonomik, apakah dengan mengeluarkan kredit, memperkenalkan teknologi baru dan perubahan sikap benar-benar menguntungkan? Dalam usaha untuk memodenkan pertanian Revolusi Hijau diperkenalkan. Ianya adalah satu pembaharuan dalam teknologi pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran dan untuk membasmi kebuluran dunia. Pengenalan penggunaan baka benih baru hanya menguntungkan kelas mewah atau sederhana. Dengan penggunaan baka baru, hasil keluaran dapat ditingkatkan dan masa yang diperlukan untuk pokok-pokok membesar adalah lebih singkat. Juga dikatakan bahawa pengeluaran akan meningkat. Ini sebenarnya hanya menguntungkan petani mewah atau sederhana kerana dengan peningkatan hasil pengeluaran, harga akan jatuh. Petani miskin adalah pengeluar yang bergantung kepada penjualan hasil tanaman. Jadi dengan penurunan harga hasil keluaran, petani itu berada dalam keadaan lebih buruk. Seperti kata Lappe,

"The drive to increase food production, has made even worse the lives of the poor farmers, despite per-capita production increase. The net result? Hunger tightens its hold on the rural majority". (1978 : 145)

Di Malaysia, Revolusi Hijau dilancarkan bagi tujuan memodenkan pertanian. Kerajaan dalam usaha meningkatkan pengeluaran bahan makanan telah memperkenalkan tanaman lebih dari satu musim. Juga dipерkenalkan penggunaan baja-baja kimia, racun-racun serangga, jentera-jentera moden dan beberapa jenis teknik baru yang lain. Usaha pertanian secara intensif ini tidak mendatangkan banyak faedah pada petani-petani kerana kebanyakannya mereka memiliki tanah yang kecil atau tiada tanah langsung. Jadi berapa banyak pun pembaharuan diperkenalkan tetapi tanpa tanah dan modal, mereka tetap di tahap lama dan kadang-kadang keadaan mereka lebih buruk lagi.

Sebagai satu contoh, di kawasan kajian, penanaman dua kali setahun, telah menyebabkan hasil penangkapan ikan sawah makin berkurangan. Ikan sawah merupakan salah satu punca pendapatan tambahan kepada pesawah. Hasil tangkapan ikan sawah di kawasan kajian terdiri dari ikan sepat, ikan keli, ikan haruan dan ikan puyu. Ikan-ikan yang hidup di dalam sawah semakin berkurangan. Ini disahkan oleh beberapa laporan. Tangkapan ikan tidak lagi memberi hasil yang menggalakkan. Ada dua sebab mengapa ikan tidak banyak didapati dalam sawah atau parit yang berhampiran. Sebelum penemuan padi jenis baru, penanaman padi dijalankan sekali setahun. Ini bererti sawah akan menakung air selama 8 bulan berterusan. Dengan penanaman dua kali setahun, sawah hanya menakung air selama 4 bulan. Ini menyebabkan ikan-ikan tidak mempunyai masa yang cukup untuk membesar dan membiak. Juga terdapat kekurangan dalam makanan ikan, menyebabkan ikan tidak boleh hidup. Penggunaan baja dan racun-racun kimia di dalam sawah padi juga merupakan sebab kemerosotan ikan.

Penggunaan racun-racun kimia yang begitu luas membunuh ikan dan menyebabkan kejadian ikan berkudis. Di dalam sawah ikan mempunyai peranan yang tersendiri untuk membantu pertumbuhan dan kesuburan pokok-pokok padi. Menurut lapuran Pertubuhan Makanan Sedunia (FAO), ikan di dalam sawah menolong mencegah penyebaran agen penyakit pokok-pokok padi. Secara tidak langsung ia juga menolong meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Walaupun hasil dari tanaman padi dua kali setahun lebih lumayan dari hasil tangkapan ikan, tetapi kita perlu ingat bahawa ikan tidak seperti tanaman, ikan-ikan boleh pupus. Dalam kita menuju kepada matlamat bagi memperolehi hasil pengeluaran padi yang tinggi, kita tidak sepatutnya memusnahkan ikan sawah yang juga amat penting kepada pesawah. Oleh itu langkah-langkah untuk menyelamatkan ikan sawah perlu diberikan perhatian oleh semua pihak yang terlibat. Penerangan dalam memilih racun-racun kimia yang sesuai patut diberikan kepada pesawah-pesawah kerana terdapat pesawah yang menggunakan racun endosulfan untuk mengawal penyakit merah di mana ini menyebabkan kematian ikan dengan sia-sia.

Penyelidikan berkenaan ikan-ikan sawah perlu diberikan perhatian terutama dari aspek pembiakan, dan pembesarannya serta kesan-kesan racun kimia ke atas biologi ikan tersebut. Kita tidak dapat nafikan bahawa penggunaan racun kimia dan tanaman padi dua kali setahun meningkatkan pendapatan pesawah, tetapi tidak mustahil juga untuk kita mendapat hasil tambahan dari ikan sawah sekiranya lebih banyak usaha penyelidikan ditumpukan dalam masalah ini.

Di samping timbul masalah kian pupusnya ikan-ikan sawah, petani miskin juga terpaksa berhadapan dengan masalah kenaikan dalam sewaan, melibatkan masa kerja yang lebih dan apabila dinilai hasil keluaran, pendapatan puratanya lebih kurang dari pendapatan tahun-tahun lepasnya. Sebab berlakunya hal ini ialah kerana petani terpaksa menanggung beban perbelanjaan yang meningkat.

Kerajaan juga dalam usahanya membangunkan sektor pertanian, telah menubuhkan beberapa agensi seperti Bank Pertanian. Bank Pertanian ditubuhkan pada 1969 dengan fungsi-fungsi berikut:

- a. To coordinate and supervise credit for all agricultural purpose;
- b. To provide both short-term and long-term loans for all aspects of agriculture and animal husbandry;
- c. To mobilise saving in agricultural sector.

Menurut polisi resmi Bank Pertanian ia hanya memberi kredit pada petani berdasarkan,

".... if his farm is proved to be viable and .... he is proved creditworthy....".  
(S. Selvadurai, 1972: 69-70)

Ini bererti dari segi praktiknya petani tidak diberikan kredit walaupun ia sangat-sangat memerlukannya, tetapi cuma diberi jika beliau dianggap creditworthy dan tanahnya viable. Polisi kredit sebegini nyata sekali bertanggah dengan dasar kerajaan menubuhkan agensi berkenaan iaitu untuk

meningkatkan taraf hidup petani melalui fungsi-fungsi yang telah di-nyatakan. Golongan yang untung dari polisi ini adalah petani-petani mewah kerana kemungkinan mereka memenuhi syarat-syarat tersebut lebih besar walaupun mereka tidak memerlukan sangat bantuan kewangan. Ini-lah mendorong petani-petani miskin meminjam dari orang-orang tengah dan ceti-ceti. Akibatnya penindasan ke atas petani oleh orang tengah berlanjutan. Dengan demikian usaha kerajaan ini boleh melebarkan lagi jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi di kalangan masyarakat luar bandar. Sekiranya segala usaha itu menambah ketidaksamaan dan mengukuhkan susun-lapis, maka bererti pada hakikat sebenarnya masalah kemiskinan masih belum dapat diatasi.

Dari segi kemudahan pasaran, kerajaan dengan Federal Agricul-ture Marketing Authority (FAMA) dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) melaksanakan satu skim pemasaran padi bagi menjamin hasil padi petani dibayar dengan harga yang berpatutan. Seringkali petani menghadapi dilema kerana harga-harga yang ditawarkan oleh badan-badan kerajaan lebih rendah berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh orang-orang tengah. Sebab itulah didapati petani di kawasan kajian lebih banyak menjual hasil keluaran mereka kepada orang tengah. Kerajaan inginkan petani-petani berpendapatan tinggi, tetapi apabila mereka ingin menjual hasil keluaran pada pembeli-pembeli yang sanggup menawarkan harga yang tinggi, mereka disekat. Ini sudah pasti merupakan satu paradok yang akan menimbulkan kegelisahan di kalangan petani-petani.

Daripada penyelidikan yang dijalankan di kawasan kajian didapati wujud masalah tanah terbiar. Perangkaan Kementerian Pertanian menunjukkan setakat lima tahun yang lepas keluasan tanah yang terbiar melewati jumlah menyeluruh tanah yang diteroka oleh berbagai agensi kerajaan meliputi tempoh sepanjang sepuluh tahun lepas. Mengapa tanah-tanah menjadi terbiar? Pada hakikatnya sesiapa saja boleh menyenaraikan faktor-faktornya. Faktor-faktor ini termasuklah kurang tenaga kerja, kekurangan bekalan air, masalah taliair, ketiadaan hujan, tanaman padi tidak ekonomik berbanding dengan pekerjaan lain seperti kerja kilang. Dasar kerajaan dalam program pemulihan tanah terbiar ialah memberikan keutamaan kepada tanah-tanah yang dapat dipulihkan secara ekonomis. Usaha pemulihan ditumpukan kepada kawasan yang ada potensi pasti jaya, termasuk pertanian, perikanan dan ternakan.

Kementerian Pertanian juga telah melakukan kajian awal tentang tanah terbiar pada tahun 1978/79 dan mendapati bahawa 2.2 juta ekar tanah sawah dan bukan sawah yang tinggal terbiar di seluruh Semenanjung Malaysia. Di samping kerajaan menanggung kerugian hasil padi dari sawah yang tidak diusahakan, petani juga menanggung kerugian besar kerana tanah terbiar itu berpotensi untuk dikerjakan dan mendatangkan hasil lumayan di samping membuka peluang pekerjaan. Jadi usaha kerajaan mengadakan satu program pemulihan adalah baik. Program pemulihan tanah terbiar dimulakan dengan sejumlah 1,096 hektar tanah di sembilan projek perintis pada awal tahun lepas. Program telahpun menunjukkan kejayaan. Projek-projek contoh itu antaranya terletak di Kampung Cikgu Ali dan Hutan Lembah di Perlis; Kampung Perluk Lama, Sungkai, di Perak; Sungai Raya, Perigi Jernih dan Batu Belang di Negeri Sembilan.

Adakah keterlaluan untuk mengatakan bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan itu tidak berguna sama sekali. Yang menjadi persoalan sekarang ialah, berapa besarkah bilangan yang mendapat faedah dari rancangan-rancangan yang dijalankan? Dan adakah mereka dari golongan paling miskin dan paling memerlukan? Lebih penting lagi adakah dengan projek-projek ini kemiskinan bertambah kurang, kalau pun tidak terhapus?

Akhirnya, bila membicarakan tentang kemiskinan luar bandar kita menumpukan pada persoalan mengenal pasti dengan tepat golongan yang miskin dan kawasan serta sektor termundur dan memastikan bahawa keutamaan diberikan kepada mereka dengan menumpukan kadar perbelanjaan serta usaha yang lebih banyak untuk mempertinggikan taraf hidup golongan miskin itu.

BIBLIOGRAFI

A. Buku-Buku

- A. Aziz A. Hamid,  
\_\_\_\_\_,  
\_\_\_\_\_,  
Dalton, George, (ed),  
Feder, Ernest,  
Firth, Raymond,  
Firth, Rosemary,  
Frank, A.G.,  
Frank & Cockcroft,  
Gans, Herbert,  
Gillin and Gillin,  
Hagedon, Robert,  
Heady, E.O.,  
Jackson, D.,  
Poverty and Rural Development in Malaysia,  
dalam Kajian Ekonomi Malaysia, Jilid 1,  
Bil. i, 1964.  
Rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Royal Press,  
Singapore, 1950.  
Jejak-Jejak di Pantai Zaman, University Malaya  
Press, 1975.  
Economic Development & Social Change, Natrial  
History Press, New York, 1971.  
The Rape of the Peasantry, Anchor Books, 1971.  
Malay Fishermen: Their Peasant Economy, Routledge  
and Kegan Paul, London, 1942.  
Housekeeping Among Malay Peasant, The Athlone  
Press, 1966.  
Capitalism and Underdevelopment in Latin America,  
Penguin Press, Great Britain, 1971.  
Dependence and Underdevelopment, Anchor Books,  
New York, 1970.  
Culture on Class in the Study of Poverty: An  
Approach to Anti-Poverty Research, dalam  
Monihan, D.P. (ed.), On Understanding Poverty,  
New York Basic Books, 1969.  
Cultural Sociology, The Macmillan Co., New York,  
1950.  
An Introduction into Sociological Orientation,  
John Wiley and Sons, New York, 1973.  
Economic of Agricultural Production and Resource  
Use, New Delhi, 1968.  
Poverty, Macmillan, New York, 1972.

- Lappe, M. Frances, Collins, J.,  
Food First - Beyond the Myth of Scarcity,  
Ballantine Books, New York, 1978.
- Leonard, Peter,  
The Challenge of Primary Prevention, dalam  
Social Works Today, Jilid 2, Bil.5, 1971.
- Lewis, Oscar,  
La Vida, Vintage Books, New York, 1966.
- Monihan, D.P. (ed.),  
On Understanding Poverty Perspectives from the Social Sciences, New York, 1969.
- Mountfield, Anne,  
Talking About Poverty, Wayland Publishers, London, 1974.
- Mydral, Gunar,  
The Challenge of World Poverty: A World Anti-Poverty Programme in Outline, New York, Vintage Books, 1970.
- Parkinson, B.K.,  
Non-Economic Factors in the Economic Retardation of Rural Malays, Modern Asian Studies, Jilid 1, Bil.1, January 1967.
- Raiz Hassan,  
Some Aspects of the Occupational and Class Structure in West Malaysia, dalam South East Asian Journal of Social Science, Jilid 1, Bil.1, 1973.
- Roach, J.L. and Roach, J.K., Poverty, Penguin Books, 1972.
- Rein, Martin,  
Problems in the Definition and Measurement of Poverty, dalam Luis Ferman (ed.), Poverty in America, Ann Arbor, The University of Michigan Press, 1972.
- Rowntree, B.S. and Lavers, F.R., Poverty and the Welfare State: A Third Social Survey of York, Longman, 1951.
- Syed Husin Ali,  
Social Stratification in Bagan, JMBRAS, 1964.
- \_\_\_\_\_,  
Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1976.
- \_\_\_\_\_,  
Malay Peasant Society and Leadership, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.
- \_\_\_\_\_,  
Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Karangkraf, Petaling Jaya, 1978.

Watchel, Howard, Looking at Poverty from a Radical Perspective,  
dalam Review of Radical Political Economy,  
Jilid 3, Bil.3, Summer 1971.

Zainal Kling, (ed.), Masyarakat Melayu, Antara Tradisi & Perubahan,  
Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1977.

B. Laporan-laporan dan Makalah

International Bank for Reconstruction and Development (IBRD),  
The Economic Development of Malaysia, Singapore,  
1955.

International Labour Organisations (ILO), Agricultural Wages and  
Incomes of Primary Producers, Geneva, 1949.

Economic Report (ERT), 1974-75, The Treasury Malaysia, Government  
Press, Kuala Lumpur, 1974.

MADA, The Muda Irrigation Scheme, Cetakan Kerajaan, Alor Setar, 1970.

Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua, Percetakan Kerajaan,  
Kuala Lumpur, 1971.

\_\_\_\_\_, Rancangan Malaysia Keempat, Percetakan Kerajaan,  
Kuala Lumpur, 1981.

S. Selvadurai, Padi Farming in West Malaysia, Ministry of  
Agricultural and Fisheries Malaysia, Government  
Press, 1972.

Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa & Pustaka, Ogos 1976 dan Nov. 1976.

C. Disertasi

Borhan Dolah, Kemiskinan di Kalangan Pesawah (Satu kajian kes  
di Mukim Bacang, Melaka), Latihan Ilmiah, Jabatan  
Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur, 1983.

Kamaruddin Mohd Said, Struktur Pemilikan Tanah dan Kemiskinan Masyarakat  
Tani di Kelantan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi  
dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Mohd Fauzi Haji Yaacob, Ugama dan Usaha Dalam Lapangan Ekonomi di kalangan Orang-orang Melayu, Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

Roziah Omar, A Comparative Study of Poverty in Malaysia and the United State of America, Essay presented as partial requirements towards the M.A., Department of Sociology, Ohio University, Athens, 1982.

D. Surat khabar

Berita Minggu, 1 Mei 1983.

Utusan Malaysia, 22 Jun 1983.

\_\_\_\_\_, 23 Jun 1983.

\_\_\_\_\_, 24 November 1983.